

TomTom

Panduan Rujukan

TOMTOM 

Kandungan

Selamat datang ke navigasi dengan TomTom	8
<hr/>	
Apa ada di dalam kotak	9
Apa ada di dalam kotak	9
<hr/>	
Baca ini dahulu	10
Menempatkan peranti	10
Memasang dalam kereta anda.....	10
Menghidup dan mematikan.....	11
Membuat persediaan	11
Penerimaan GPS.....	11
Slot kad micro-SD	11
Perihal MyDrive	11
Menyediakan MyDrive	12
Tetapan keselamatan	13
Peranti tidak bermula	13
Mengecas peranti anda.....	13
Berkongsi maklumat dengan TomTom	13
Notis Keselamatan.....	14
Jaga peranti anda dengan baik.....	14
Mendapatkan bantuan untuk menggunakan peranti navigasi anda	14
<hr/>	
Merancang laluan	15
Merancang laluan	15
Ringkasan laluan.....	17
Ringkasan LIVE	18
Laluan alternatif	19
Memilih jenis laluan.....	19
Destinasi kerap	21
Tunjukkan destinasi kerap saya	21
Menggunakan masa ketibaan	21
Pilihan menu navigasi	22
Merancang laluan terlebih dahulu	23
Melihat maklumat laluan	24
<hr/>	
Kawalan suara	26
Kawalan suara - Navigasi ke	27
Perihal kawalan suara.....	27
Menggunakan kawalan suara	27
Merancang perjalanan menggunakan suara anda	28
Kawalan suara - Pandu ke	31
Perihal kawalan suara.....	31

Menggunakan kawalan suara	31
Merancang perjalanan menggunakan suara anda	32
Memasukkan alamat menggunakan suara anda	34
Pandangan Pemanduan	35
Perihal Pandangan Pemanduan.....	35
Pandangan Pemanduan	35
Simbol Pandangan Pemanduan	36
Perihal tetapan perancangan semula	36
Panduan lorong lanjutan	38
Perihal panduan lorong	38
Menggunakan panduan lorong	38
Menukar laluan anda	40
Membuat perubahan kepada laluan anda.....	40
Tukar menu laluan.....	40
Perihal titik jalan.....	41
Menambah titik jalan pertama ke laluan anda	42
Menambah titik jalan selanjutnya pada laluan anda	42
Menukar susunan titik jalan	43
Memadam titik jalan	43
Menukar tetapan pemberitahuan untuk titik jalan	43
Mengaktifkan semula titik jalan.....	44
Lihat peta	45
Perihal melihat peta.....	45
Lihat peta	45
Pilihan.....	46
Menu kurSOR.....	47
Pembetulan peta	49
Mengenai Map Share	49
Membetulkan ralat peta	49
Jenis pembetulan peta.....	49
Bunyi dan suara	53
Perihal bunyi dan suara.....	53
Perihal suara komputer	53
Memilih suara	53
Menukar tahap kelantangan.....	53
Kawalan kelantangan automatik.....	54

Tetapan	55
Perihal Tetapan	55
Tetapan 2D/3D	55
Tetapan lanjutan	55
Penjimatan bateri	56
Kecerahan	56
Simbol kereta	56
Jam	56
Sambungan	57
Dayakan / Nyahdayakan Bluetooth	57
Dayakan / Nyahdayakan mod penerbangan	57
Kegemaran	57
Status GPS	58
Lokasi rumah	58
Papan kekunci	59
Bahasa	59
Buat menu anda sendiri	59
Uruskan POI	59
Warna peta	60
Pembetulan peta	60
Saya dan peranti saya	60
Akaun MyTomTom	60
Rangkaian	60
Kendalikan dengan tangan kiri / Kendalikan dengan tangan kanan	61
Telefon	61
Tetapkan semula tetapan kilang	61
Perancangan laluan	61
Tetapan keselamatan	62
Tunjukkan POI pada peta	62
Pembesar suara	62
Permulaan	62
Palang status	63
Tukar peta	63
Matikan Panduan suara/Hidupkan Panduan suara	63
Unit	64
Guna warna malam / Guna warna siang	64
Kenderaan dan laluan	64
Suara	65
Kawalan suara	65
Kelantangan	66
Tempat Tumpuan	67
Mengenai Tempat Tumpuan	67
Mencipta POI	67
Menggunakan POI untuk merancang laluan	69
Menunjukkan POI pada peta	70
Menelefon POI	70
Menetapkan amaran untuk POI	70
Uruskan POI	71

Bantuan	72
Perihal mendapatkan bantuan	72
Menggunakan Bantuan untuk menghubungi perkhidmatan tempatan	72
Pilihan menu bantuan	72
Panggilan bebas tangan	74
Perihal panggilan bebas tangan	74
Menyambung kepada telefon anda.....	74
Membuat panggilan	74
Menerima panggilan	75
Auto-jawab.....	75
Menyambungkan lebih banyak telefon ke peranti anda.....	75
Menu telefon bimbit	75
Kegemaran	77
Perihal Kegemaran	77
Mencipta satu Kegemaran	77
Menggunakan Kegemaran.....	79
Menukar nama Kegemaran.....	79
Menghapus Kegemaran	79
Perkhidmatan	80
Perihal Perkhidmatan LIVE	80
Notis Keselamatan.....	80
Langganan Perkhidmatan LIVE	80
Perihal TomTom Traffic.....	81
Perihal Cari & Jalan.....	81
Perihal berkongsi destinasi anda	82
Perihal Carian Tempatan	82
Menggunakan carian tempatan	82
Perihal Kamera Kelajuan	82
Perkhidmatan lain	83
Cari & Jalan	84
Perihal Cari & Jalan.....	84
Menggunakan Cari & Jalan untuk mencari POI.....	84
Kongsi destinasi dengan Twitter	86
Berkongsi destinasi dan masa ketibaan	86
Melapor masuk di destinasi	87
Lalu lintas	88
Perihal maklumat lalu lintas	88
Perihal TomTom Traffic.....	88

Notis Keselamatan.....	88
Menggunakan maklumat lalu lintas	88
Menggunakan laluan paling cepat.....	89
Mengurangkan kelewatan.....	90
Memudahkan perjalanan ulang-alik ke tempat kerja	90
Mendapatkan maklumat lanjut mengenai insiden	91
Memeriksa insiden lalu lintas dalam kawasan anda	92
Menukar tetapan lalu lintas.....	93
Insiden Lalu lintas	93
Menu Lalu lintas	94
Kamera Kelajuan	96
Perihal Kamera Kelajuan	96
Amaran kamera kelajuan	96
Menukar cara anda diberi amaran.....	96
Simbol kamera kelajuan.....	97
Mengemas kini lokasi untuk amaran	99
Butang laporan	99
Melaporkan kamera kelajuan baru semasa anda bergerak.....	99
Melaporkan kamera kelajuan baru semasa berada di rumah	99
Melaporkan amaran kamera yang tidak betul.....	100
Jenis kamera kelajuan yang anda boleh melaporkan.....	100
Amaran pemeriksaan purata kamera kelajuan.....	100
Menu Kamera Kelajuan	101
Zon Bahaya	102
Perihal zon bahaya	102
Amaran zon bahaya.....	102
Menukar cara anda diberi amaran.....	102
Simbol zon bahaya	103
Butang laporan	103
Melaporkan zon bahaya baru semasa sedang bergerak.....	103
Melaporkan zon bahaya baru semasa berada di rumah	103
Menu Amaran Keselamatan.....	104
Cuaca	105
Perihal Cuaca	105
Meminta laporan cuaca.....	105
Jenis lokasi	105
Produk pekhemah dan karavan TomTom	108
Perihal produk pekhemah dan karavan TomTom	108
Jenis kenderaan.....	108
Sediakan kenderaan anda.....	109
Memilih peta pekhemah dan karavan	110
Memilih jenis kenderaan anda	110
Menunjukkan butang menu pantas jenis kenderaan	111

MyDrive	112
Perihal MyDrive	112
Perihal MyDrive Connect	112
Akaun MyTomTom.....	112
Menyediakan MyDrive	112
Tambahan	114
Notis hak cipta	118

Selamat datang ke navigasi dengan TomTom

Panduan Rujukan ini menerangkan semua yang anda perlu tahu mengenai peranti navigasi TomTom baru anda.

Jika anda mahu membaca kepentingannya dengan cepat, kami mengesyorkan anda membaca bab [Baca ini dahulu](#). Ini merangkumi cara pemasangan, menghidupkannya, persediaan dan mengemas kini menggunakan MyDrive.

Selepas itu, anda mungkin mahu melihat cara merancang laluan dan anda boleh membaca semua mengenainya di dalam bab [Merancang laluan](#).

Untuk maklumat mengenai ciri-ciri peranti tersebut, pergi ke:

- [Pandangan Pemanduan](#)
- [Lihat peta](#)
- [Lalu lintas](#)
- [Kamera Kelajuan](#)

Petua: Terdapat juga soalan lazim (FAQs) di [tomtom.com/support](#). Pilih model produk anda daripada senarai atau masukkan istilah carian.

Semoga anda menikmati membaca tentang dan, yang paling penting, menggunakan peranti navigasi baru anda.


Apa ada di dalam kotak

Apa ada di dalam kotak

- Peranti navigasi TomTom dengan pelekap boleh alih atau bersepada



- Kabel USB



- Pengecas kereta USB



- Cakera lekapan papan pemuka. Cakera tersedia dalam beberapa produk dan tersedia sebagai aksesori untuk yang lain. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke tomtom.com/accessories.



- Poster pemasangan


Baca ini dahulu

Menempatkan peranti

Pertimbangkan dengan teliti di mana untuk memasang peranti navigasi TomTom anda di dalam kereta anda. Peranti navigasi hendaklah tidak menghalang atau mengganggu mana-mana yang berikut:

- Pandangan anda ke arah jalan
- Sebarang kawalan di dalam kereta
- Mana-mana cermin anda
- Sebarang beg udara

Apabila peranti navigasi anda dipasang, anda hendaklah boleh mencapai peranti dengan mudah tanpa perlu menyendeng atau meregangkan mana-mana bahagian badan. Anda boleh melekapkan peranti pada cermin depan atau anda boleh menggunakan Ceper Pelekap Papan Pemuka untuk melekapkan pelekap pada papan pemuka anda. Cakera Lekapan Papan Pemuka disertakan dengan beberapa produk dan tersedia sebagai aksesori. Gambar rajah berikut menunjukkan di mana anda boleh melekapkan pelekap dengan selamat.



TomTom juga menawarkan penyelesaian pelekapan alternatif untuk peranti navigasi TomTom anda. Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai Ceper Pelekap Papan Pemuka dan penyelesaian pelekapan alternatif, pergi ke tomtom.com/accessories.

Memasang dalam kereta anda

Gunakan pelekap yang disediakan bersama peranti anda untuk memasang peranti TomTom anda di dalam kenderaan anda. Anda boleh memasang peranti anda pada cermin depan atau menggunakan Cakera Pelekapan Papan Pemuka untuk memasang peranti anda pada papan pemuka anda. Lihat arahan pemasangan bercetak yang disertakan dengan produk anda untuk mendapat maklumat lanjut. Baca arahan mengenai [menentududukan peranti anda](#) sebelum anda memasang peranti anda.

Untuk memasang peranti anda, lakukan yang berikut:

1. Pilih tempat terbaik untuk melekapkan peranti TomTom anda. Tempatnya hendaklah selancar yang mungkin.
2. Jika anda menggunakan Cakera Pelekapan Papan Pemuka, bersihkan papan pemuka dan pasang cakera ini.
3. Pastikan kedua-dua cawan penyedut pada pelekap dan cermin depan anda bersih dan kering.
4. Tekan cawan penyedut bagi pelekap dengan teguh pada cermin depan anda atau cakera.

5. Pulas pemegang getah berdekatan dasar pelekap mengikut arah jam sehingga anda rasa ia terkunci di tempatnya.
6. Jika pelekap anda tidak disepadukan ke dalam peranti anda, letakkan peranti anda di dalam pelekap, dengan memastikan ia terkunci di tempatnya.
7. Pasang plag pengecas kereta USB ke dalam bekalan kuasa pada papan pemuka anda.
8. Sambung kabel USB kepada pengecas kereta dan peranti anda.

Peranti navigasi anda kini dipasang. Langkah seterusnya adalah untuk menghidupkannya dan menjawab beberapa soalan.

Menghidup dan mematikan

Untuk menghidupkan peranti navigasi anda, tekan dan tahan butang Hidup/Mati sehingga anda melihat skrin permulaan. Kali pertama anda menghidupkan peranti anda, anda perlu menahan butang selama 15 saat.

Membuat persediaan

Penting: Berhati-hati supaya anda memilih bahasa yang betul, kerana bahasa yang anda pilih akan digunakan bagi semua teks pada skrin.

Apabila anda mula-mula menghidupkan peranti anda, anda mesti menjawab beberapa soalan untuk membuat persediaan peranti. Jawab soalan yang ditanya dengan mengetuk skrin.

Penerimaan GPS

Kali pertama anda memulakan peranti navigasi TomTom anda, peranti ini mungkin memerlukan beberapa minit untuk menentukan kedudukan GPS anda dan menunjukkan kedudukan semasa anda pada peta. Pada kali berikutnya, kedudukan anda akan dicari dengan lebih cepat, selalunya dalam masa beberapa saat sahaja.

Untuk memastikan penerimaan GPS yang baik, anda perlu menggunakan peranti anda di luar dan memastikan peranti anda dalam kedudukan menegak. Objek besar seperti bangunan tinggi kadang kala boleh mengganggu penerimaan. Penerimaan GPS juga boleh terjejas jika peranti anda diletakkan secara rata pada permukaan atau di atas tapak tangan anda.

Slot kad micro-SD

Beberapa jenis peranti navigasi TomTom mempunyai slot kad microSD yang terletak di sisi atau di bahagian bawah peranti.

Sebelum anda menggunakan slot kad memori, pastikan versi terkini aplikasi telah dipasang pada peranti navigasi anda dengan menyambung kepada MyDrive. Apabila peranti anda terkini, anda boleh menggunakan kad memori sebagai ruang simpanan tambahan untuk menambah peta tambahan pada peranti anda. Peta boleh dibeli dari tomtom.com.

Perihal MyDrive

MyDrive ialah alat berdasarkan web yang membantu anda menguruskan kandungan dan perkhidmatan peranti navigasi TomTom anda. Anda menggunakan MyDrive untuk mendapatkan kemas kinian peta serta banyak lagi perkara lain.

Anda log masuk ke MyDrive pada laman web TomTom. Adalah sebaiknya untuk kerap menyambung peranti navigasi anda ke MyDrive untuk memastikan anda sentiasa mendapat kemas kini yang terkini.


Tip: Kami mengesyorkan anda menggunakan sambungan internet jalur lebar apabila anda menyambungkan peranti navigasi anda ke MyDrive.

Menyediakan MyDrive

Untuk bersedia menggunakan MyDrive bagi kali pertama, lakukan yang berikut:

1. Pada komputer anda, buka pelayar web dan pergi ke tomtom.com/getstarted.
2. Klik **Mulakan**.
3. Klik **Muat Turun MyDrive Connect**.
Ikuti arahan pada skrin.
4. Apabila digesa, sambungkan peranti anda kepada komputer anda menggunakan kabel USB yang dibekalkan bersama peranti anda, kemudian hidupkan peranti anda.

Nota: Gunakan kabel USB yang dibekalkan dengan peranti anda SAHAJA. Kabel USB yang lain mungkin tidak berfungsi.



Nota: Anda hendaklah memasang kabel USB terus kepada port USB pada komputer anda dan bukan kepada hab USB atau port USB pada papan kekunci atau monitor.

5. Masukkan maklumat yang diminta untuk penciptaan akaun, termasuk negara anda. Apabila persediaan selesai, akaun MyTomTom dicipta dan peranti navigasi anda dipautkan kepada akaun tersebut.
Anda kini boleh mengakses MyDrive Connect daripada kawasan pemberitahuan pada desktop anda.



MyDrive bermula secara automatik selepas akaun dicipta.

Nota: Apabila anda ingin mengakses MyDrive kali seterusnya, pergi ke tomtom.com/mydrive di dalam pelayar web.

Tip: Apabila anda menyambung peranti navigasi anda ke komputer anda, MyDrive Connect memberitahu anda jika terdapat sebarang kemas kini untuk peranti anda.

Tetapan keselamatan

Kami menggalakkan penggunaan tetapan keselamatan untuk menjadikan pemanduan anda seselamat mungkin.

Ini adalah beberapa pilihan yang disertakan dalam tetapan keselamatan:

- Tunjukkan butang menu penting semasa memandu
- Tunjukkan peringatan keselamatan
- Beri amaran apabila memandu lebih laju daripada yang dibenarkan

Jika peranti anda menyokong arahan suara, anda juga boleh memandu dengan lebih selamat menggunakan kawalan suara untuk mengawal peranti navigasi anda.

Peranti tidak bermula

Dalam kes-kes yang jarang berlaku, peranti navigasi TomTom anda mungkin tidak bermula dengan betul atau mungkin berhenti memberi respons kepada ketikan anda.

Mula-mula, periksa bahawa bateri dicas. Untuk mengecas bateri, sambung peranti anda kepada pengecas kereta. Ia mungkin mengambil masa sehingga 2 jam untuk mengecas bateri sepenuhnya.

Jika ini tidak menyelesaikan masalah, anda boleh set semula peranti. Untuk melakukan ini, tekan dan tahan butang Hidup/Mati sehingga anda mendengar bunyi drum dan peranti anda dimulakan semula. Ini akan mengambil masa 30 saat atau lebih.

Mengecas peranti anda

Bateri di dalam peranti navigasi TomTom anda akan mengecas apabila anda menyambungkannya kepada pengecas kereta atau komputer.

Penting: Anda hendaklah memasang penyambung USB terus kepada port USB di komputer anda dan bukan kepada hab USB atau port USB pada papan kekunci atau monitor.

Berkongsi maklumat dengan TomTom

Pada kali pertama anda mula menavigasi atau melakukan tetapan semula, peranti anda akan meminta kebenaran untuk mendapatkan sedikit maklumat mengenai penggunaan anda terhadap peranti navigasi ini. Maklumat akan disimpan pada peranti ini sehingga kami mengambilnya. Kami menggunakan tanpa nama untuk memperbaiki produk dan perkhidmatan kami. Jika anda menggunakan perkhidmatan LIVE, kami juga akan menggunakan maklumat lokasi anda untuk membawakan perkhidmatan ini kepada anda.

Anda boleh menukar sama ada anda berkongsi maklumat ini dengan kami pada bila-bila masa dengan melakukan yang berikut:

1. Dalam Menu Utama, ketik **Tetapan**.
2. Ketik **Saya dan peranti saya**.
3. Ketik **Maklumat saya**.
4. Ketik **Tidak** untuk berhenti berkongsi atau ketik **Ya** untuk mula berkongsi.

Nota: Jika anda memilih untuk tidak berkongsi maklumat ini, anda tidak lagi menerima perkhidmatan LIVE. Ini adalah kerana perkhidmatan LIVE perlu menghantar lokasi peranti anda ke TomTom untuk menerima maklumat lalu lintas yang berkaitan di mana anda berada. Tarikh tamat langganan anda kekal sama, walaupun, jika anda tidak berkongsi maklumat ini dengan kami.

Untuk maklumat lanjut, lihat dasar privasi kami di tomtom.com/privacy.

Notis Keselamatan

Sesetengah peranti navigasi mengandungi modul GSM/GPRS yang boleh mengganggu peranti elektrik seperti perentak jantung kardium, alat bantuan pendengaran dan peralatan penerbangan.

Gangguan dengan peranti ini mungkin membahayakan kesihatan atau nyawa anda atau orang lain.

Jika peranti anda merangkumi modul GDM/GPRS, jangan gunakannya berdekatan unit elektrik yang tidak dilindungi atau di kawasan di mana penggunaan telefon mudah alih adalah dilarang, seperti di hospital dan di dalam pesawat.

Jaga peranti anda dengan baik

Menjaga peranti anda dengan baik adalah penting:

- Jangan buka selongsong peranti anda dalam apa jua keadaan. Berbuat demikian mungkin berbahaya dan akan mentaksahkan waranti anda.
- Lap atau keringkan skrin peranti anda dengan menggunakan kain lembut. Jangan gunakan sebarang pencuci cecair.

Mendapatkan bantuan untuk menggunakan peranti navigasi anda

Anda boleh mendapatkan bantuan selanjutnya dengan pergi ke tomtom.com/support.

Untuk maklumat waranti, pergi ke tomtom.com/legal.

Merancang laluan

Merancang laluan

Penting: Untuk keselamatan dan untuk mengurangkan gangguan semasa anda memandu, anda perlu sentiasa merancang laluan sebelum anda memulakan pemanduan.

Penting: Jika anda menggunakan produk pekhemah dan karavan TomTom, sebelum merancang laluan, anda hendaklah menyediakan peranti anda untuk kenderaan anda.

Untuk merancang laluan pada peranti TomTom anda, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk membuka Menu Utama.



2. Ketik **Navigasi ke** atau **Pandu ke**.

3. Ketik **Alamat**.

Anda boleh menukar tetapan negara atau negeri dengan mengetik bendera sebelum anda memilih bandar.

4. Masukkan nama bandar atau poskod.

Tip: Jika peranti anda menyokong kawalan suara, dan bukan menaip alamat, ketik butang mikrofon untuk memasukkan alamat dengan menuturkannya kepada peranti TomTom anda.

Bandar dengan nama yang sama ditunjukkan dalam senarai semasa anda menaip.

Apabila bandar yang betul kelihatan dalam senarai, ketik nama tersebut untuk memilih destinasi.



5. Masukkan nama jalan.

Jalan dengan nama yang sama ditunjukkan dalam senarai semasa anda menaip.

Apabila nama jalan yang betul kelihatan dalam senarai, ketik nama untuk memilih destinasi.




6. Masukkan nombor rumah dan kemudian ketik **Selesai**.



7. Lokasi ditunjukkan pada peta. Ketik **Pilih** untuk teruskan atau ketik **Balik** untuk memasukkan alamat lain.

Penting: Jika anda merancang laluan karavan atau pekhemah dan tiada laluan khusus yang ditemui, anda akan ditanya sama ada anda hendak menggunakan laluan kereta. Jika anda menggunakan laluan kereta, berikan perhatian khusus kepada sebarang sekatan laluan semasa memandu.

Tip: Jika anda inginkan destinasi akhir anda sebuah tempat letak kereta, ketik **Tempat letak kereta** dan pilih lokasi dari senarai tempat letak kereta berdekatan destinasi umum anda.



8. Apabila laluan baru ditunjukkan, ketik **Selesai**.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai laluan, ketik **Butiran**.

Untuk menukar laluan anda, contohnya, untuk berjalan melalui lokasi tertentu atau untuk memilih destinasi baru, ketik **Tukar laluan**.



Peranti anda mula memandu anda ke destinasi anda, dengan menggunakan arahan bersuara dan arahan pada skrin.

Ringkasan laluan

Ringkasan laluan menunjukkan gambaran keseluruhan laluan anda, baki jarak ke destinasi anda dan baki masa perjalanan yang dianggarkan.

Untuk melihat ringkasan laluan, ketik panel sebelah kanan pada palang status dalam pandangan Pemanduan atau ketik **Lihat laluan** dalam Menu Utama dan kemudian, ketik **Tunjukkan ringkasan laluan**.

Jika anda mempunyai TomTom Traffic atau Penerima RDS-TMC, ringkasan laluan juga menunjukkan maklumat lalu lintas mengenai kelewatan pada laluan anda.

Nota: Untuk menggunakan perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, anda mungkin memerlukan langganan atau penerima. Perkhidmatan lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk maklumat lanjut, lawati tomtom.com/services.



Ringkasan LIVE

Ringkasan LIVE menunjukkan maklumat Perkhidmatan LIVE pada laluan anda.

Untuk melihat maklumat ringkasan LIVE, ketik tab LIVE pada skrin ringkasan laluan. Ketik sebarang panel untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci.



Panel tab LIVE menunjukkan maklumat berikut:

- **Lalu lintas pada laluan** - ketik panel ini untuk melihat maklumat terperinci mengenai kelewatan lalu lintas dan insiden lain pada laluan anda.
- **Kamera kelajuan atau zon bahaya** - ketik panel ini untuk membuka menu Kamera Kelajuan atau Zon Bahaya. Kemudian anda boleh melaporkan kamera kelajuan atau zon bahaya atau ubah tetapan untuk amaran anda.
- **Cuaca** - ketik panel ini untuk melihat laporan cuaca terkini.

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Laluan alternatif

Nota: Ciri ini tidak tersedia dalam semua peranti navigasi TomTom.

Peranti TomTom anda membantu anda tiba ke destinasi anda secepat mungkin dengan menunjukkan kepada anda laluan alternatif paling cepat jika ada.



Untuk menggunakan laluan alternatif, ketik belon di atas skrin. Jika anda tidak mahu mengikuti laluan alternatif, teruskan memandu untuk terus menerima arahan untuk laluan asal anda.

Tip: Laluan alternatif hilang apabila ia bukan lagi yang paling cepat daripada laluan asal anda atau ia terlalu lewat untuk anda memilihnya.

Untuk menukar bagaimana anda ditanya mengenai laluan alternatif, ketik **Tetapan** dan kemudian, **Perancangan laluan**. Ketik **Seterusnya** sehingga anda tiba ke **Tetapan perancangan semula**.

Memilih jenis laluan

Setiap kali anda merancang laluan, anda boleh memilih untuk ditanya mengenai jenis laluan yang anda ingin rancangkan.

Untuk melakukannya, ketik **Tetapan** diikuti dengan **Perancangan Laluan**, kemudian **Jenis laluan**. Ketik **Tanya saya setiap kali saya merancang**.

Jika anda menggunakan produk pekhemah dan karavan TomTom, untuk memilih jenis laluan, anda hendaklah menetapkan jenis kenderaan anda kepada **Kereta**. Ketik **Tetapan** diikuti **Kenderaan dan laluan**, kemudian **Jenis kenderaan dan laluan**. Pilih **Kereta** sebagai jenis kenderaan anda, lalu ketik **Tanya saya setiap kali saya merancang**.

Nota: Anda hanya boleh memilih untuk ditanya mengenai jenis laluan apabila anda memilih kereta sebagai kenderaan anda.



Jenis laluan yang anda boleh pilih adalah seperti berikut:

- **Laluan tercepat** - laluan yang mengambil masa paling singkat.
- **Laluan eko** - laluan paling menjimatkan petrol bagi perjalanan anda.
- **Laluan terdekat** - jarak paling pendek di antara lokasi yang anda tetapkan. Ini mungkin bukan laluan tercepat, terutama jika laluan terdekat itu melalui pekan atau bandar.
- **Laluan jalan kaki** - laluan yang dirangka untuk perjalanan berjalan kaki.
- **Laluan basikal** - laluan yang dirangka untuk perjalanan berbasikal.
- **Kelajuan terhad** - laluan berdasarkan pada kelajuan maksimum. Apabila anda memilih jenis laluan ini, anda masukkan kelajuan maksimum. Laluan dan masa ketibaan yang dianggarkan akan dirancangkan kemudian berdasarkan pada kelajuan yang anda masukkan.

Ketik **Seterusnya**. Jika anda memilih **Laluan tercepat**, anda perlu memilih sama ada anda hendak mengelakkan lebuh raya setiap kali.

Destinasi kerap

Jika anda selalu melakukan perjalanan ke destinasi yang sama, anda boleh menetapkan peranti TomTom anda untuk bertanya jika anda ingin merancang laluan ke salah satu lokasi ini setiap kali peranti dihidupkan. Ini lebih cepat berbanding merancang laluan menggunakan cara biasa.



Tunjukkan destinasi kerap saya

Anda boleh menetapkan peranti TomTom anda untuk bertanya jika anda ingin merancang laluan ke salah satu destinasi kerap anda, setiap kali peranti dihidupkan.

Untuk menukar tetapan ini, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Muladi** dalam menu Tetapan dan kemudian pilih **Tanya destinasi**.
2. Ketik **Ya**, kemudian ketik **Ya** sekali lagi untuk mula memasukkan maklumat tentang destinasi.
3. Pilih satu simbol untuk destinasi dan ketik **Selesai** untuk menetapkan simbol, kemudian ketik **Ya**.

Tip: Untuk menambah destinasi baru, pilih salah satu simbol bernombor dan masukkan nama untuk butang destinasi baru.

4. Ketik **Ya** dan jika perlu masukkan nama baru, kemudian ketik **Selesai**.
5. Masukkan butiran alamat dengan cara yang sama anda masukkan alamat semasa merancang laluan, kemudian ketik **Selesai**.
6. Jika anda ingin menetapkan lebih banyak destinasi, ulangi langkah di atas. Jika tidak, ketik **Selesai**.
7. Anda akan ditanya jika anda ingin menukar imej permulaan.
8. Jika anda ingin menukar imej, ketik **Yakemudian**, ikut arahan yang ditunjukkan pada skrin. Jika tidak, ketik **Tidak**.

Setiap kali peranti anda dihidupkan, anda akan ditanya jika anda ingin merancang laluan. Jika anda mengetik **Batal**, Pandangan Pemanduan terbuka.

Menggunakan masa ketibaan

Anda boleh menetapkan peranti TomTom anda untuk menanyakan kepada anda jika anda perlu untuk tiba pada waktu tertentu apabila anda merancang laluan.



Ketik **Palang Status** dalam menu Tetapan, untuk mendayakan atau menyahdayakan pemberitahuan masa ketibaan.

Untuk mendayakan pemberitahuan masa ketibaan, pilih **Ruang masa**.

Palang status

Selepas merancang laluan, ketik **YA** untuk memasukkan masa ketibaan yang dipilih.

Peranti anda mengira masa ketibaan anda dan menunjukkan kepada anda sama ada anda akan tiba tepat pada masanya.

Anda juga boleh menggunakan maklumat ini untuk menentukan bila anda perlu beredar. Jika peranti anda menunjukkan bahawa anda akan tiba 30 minit lebih awal, anda boleh menunggu dan beredar dalam masa 30 minit, daripada tiba awal.

Masa ketibaan anda akan sentiasa dikira semula semasa perjalanan anda. Palang status menunjukkan sama ada anda akan tiba pada masanya atau sama ada anda akan terlewat, seperti yang ditunjukkan di bawah:

+55 min

Anda akan tiba 55 minit sebelum masa ketibaan yang anda masukkan.

Jika masa ketibaan yang dianggarkan lebih daripada lima minit sebelum masa yang anda masukkan, ia ditunjukkan dengan warna hijau.

+3 min

Anda akan tiba 3 minit sebelum masa ketibaan yang anda masukkan.

Jika masa ketibaan yang dianggarkan adalah kurang daripada 5 minit sebelum masa yang anda masukkan, ia ditunjukkan dengan warna kuning.

-19 min

Anda akan tiba lewat 19 minit.

Jika masa ketibaan yang dianggarkan adalah lewat daripada masa yang anda masukkan, ia ditunjukkan dengan warna merah.

Pilihan menu navigasi

Apabila anda mengetik **Navigasi ke** atau **Pandu ke**, anda boleh menetapkan destinasi anda dalam pelbagai cara, bukan hanya dengan memasukkan alamat. Opsyen-opsyen lain disenaraikan di bawah:



Rumah

Ketik butang ini untuk menavigasi ke lokasi Rumah anda.

Anda mungkin akan menggunakan butang ini lebih kerap daripada yang lain.



Kegemaran

Ketik butang ini untuk memilih Kegemaran sebagai destinasi anda.



Alamat

Ketik butang ini untuk memasukkan alamat sebagai destinasi anda.



Ketik butang ini untuk memilih destinasi anda dari senarai tempat yang anda gunakan sebagai destinasi baru-baru ini.

Destinasi terkini



Ketik butang ini untuk menavigasi ke Tempat Tumpuan (POI).

Tempat Tumpuan



Pada sesetengah peranti, anda boleh memasukkan alamat menggunakan pertuturan. Lihat Kawalan suara.

Alamat ucapan



Ketik butang ini untuk memilih tempat pada peta sebagai destinasi anda menggunakan penyemak imbas peta.

Titik dalam peta



Ketik butang ini untuk memasukkan destinasi menggunakan nilai latitud dan longitud.

Latitud Longitud



Ketik butang ini untuk memilih kedudukan terakhir anda yang direkodkan sebagai destinasi anda.

Kedudukan hentian terakhir



Ketik butang ini untuk menggunakan Carian Tempatan dengan TomTom Places untuk membantu anda mencari kedai dan tempat perniagaan di dalam dan sekitar lokasi semasa anda.

Carian tempatan

Anda boleh memilih untuk mencari kedai dan tempat perniagaan berdekatan anda, berhampiran destinasi anda, berdekatan sebarang destinasi lain atau di sebuah bandar.

Contohnya, jika anda mencari kolam renang berhampiran lokasi semasa anda, masukkan 'kolam renang' dan pilih hasil carian terbaik.

Merancang laluan terlebih dahulu

Anda boleh menggunakan peranti TomTom anda untuk merancang laluan lebih awal, memilih titik permulaan anda dan destinasi anda.

Di sini ada beberapa alasan lagi untuk merancang laluan lebih awal:

- Lihatberapa lama akan diambil untuk sesuatu perjalanan sebelum anda bermula.

- Anda juga boleh membandingkan masa perjalanan untuk laluan yang sama pada waktu berbeza dalam sehari atau pada hari berbeza dalam seminggu. Peranti anda menggunakan IQ Routes semasa merancang laluan. IQ Routes mengira laluan berdasarkan kepada kelajuan purata sebenar yang diukur di atas jalan.
- Kaji laluan perjalanan yang sedang anda rancang.
- Periksa laluan untuk seseorang yang akan datang untuk melawat anda dan kemudian terangkan laluan itu kepada mereka secara terperinci.

Untuk merancang laluan terlebih dahulu, ikuti langkah ini:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik butang anak panah untuk beralih ke skrin menu berikutnya dan ketik **Rancang laluan**.



Butang ini ditunjukkan apabila tiada laluan yang dirancang pada peranti TomTom anda.

3. Pilih titik permulaan untuk perjalanan anda dengan cara yang sama akan anda gunakan untuk memilih destinasi anda.
4. Tetapkan destinasi untuk perjalanan anda.
5. Jika Tetapan perancangan laluan ditetapkan kepada **Tanya saya setiap kali saya merancang**, pilih jenis laluan yang anda ingin rancangkan:
 - **Laluan tercepat** - laluan yang mengambil masa paling singkat.
 - **Laluan eko** - laluan paling menjimatkan petrol bagi perjalanan anda.
 - **Laluan terdekat** - jarak paling pendek di antara lokasi yang anda tetapkan. Ini mungkin bukan laluan tercepat, terutama jika laluan terdekat itu melalui pekan atau bandar.
 - **Elak lebuh raya** - laluan yang mengelakkan lebuh raya.
 - **Laluan jalan kaki** - laluan yang dirangka untuk perjalanan berjalan kaki.
 - **Laluan basikal** - laluan yang dirangka untuk perjalanan berbasikal.
6. Pilih tarikh dan masa yang anda akan membuat perjalanan yang anda rancangkan.

Peranti anda menggunakan IQ Route untuk mencari kemungkinan laluan terbaik pada masa itu. Ia berguna untuk melihat berapa lama perjalanan pada masa berbeza bagi hari atau hari berbeza bagi minggu.

Peranti navigasi anda merancang laluan di antara kedua-dua lokasi yang anda pilih.

Melihat maklumat laluan

Anda boleh mengakses opsyen ini untuk laluan terakhir yang anda rancang dengan mengetik **Lihat laluan** dalam Menu Utama atau butang **Butiran** pada skrin ringkasan laluan.

Anda boleh memilih daripada opsyen berikut:



Ketik butang ini untuk mendapatkan senarai semua arahan belokan dalam laluan.

Ini sangat berguna jika anda perlu menjelaskan laluan kepada orang lain.

Tunjukkan arahan



Ketik butang ini untuk melihat gambaran keseluruhan laluan menggunakan penyemak imbas peta.

Tunjukkan peta laluan



Ketik butang ini untuk melihat demo perjalanan. Anda boleh mengganggu demo pada sebarang masa dengan mengetik skrin.

Tunjukkan demo laluan



Ketik bahagian ini untuk membuka skrin ringkasan laluan.

Tunjukkan ringkasan laluan



Tunjukkan destinasi

Ketik butang ini untuk melihat pratonton destinasi anda.

Anda boleh menavigasi ke tempat letak kereta berdekatan destinasi anda, dan melihat sebarang maklumat yang tersedia mengenai destinasi anda, contohnya, nombor telefon.

Tunjukkan lalu lintas pada laluan



Ketik butang ini untuk melihat semua insiden lalu lintas pada laluan anda.

Nota: Butang ini hanya ditunjukkan jika peranti anda mempunyai sama ada langganan lalu lintas atau Penerima RDS-TMC. Maklumat lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, pergi ke tomtom.com/services

Kawalan suara

Nota: Kawalan suara tidak disokong pada semua peranti atau dalam semua bahasa.

Kawalan suara berfungsi dengan berbagai cara bergantung pada jenis peranti anda.

Navigasi ke

Jika anda nampak butang **Navigasi ke** dalam **Menu Utama** pada peranti anda, baca topik berikut mengenai Kawalan Suara:

[Kawalan suara - Navigasi ke](#)

Pandu ke

Jika anda nampak butang **Pandu ke** dalam **Menu Utama** pada peranti anda, baca topik berikut mengenai Kawalan Suara:

[Kawalan suara - Pandu ke](#)

Kawalan suara - Navigasi ke

Perihal kawalan suara

Nota: Kawalan suara tidak disokong pada semua peranti atau dalam semua bahasa.

Daripada mengetik skrin untuk mengawal peranti TomTom anda, anda boleh menggunakan suara anda untuk mengawal peranti anda.

Contohnya, untuk meningkatkan kelantangan pada peranti anda, anda boleh menyebut "Tingkatkan kelantangan".

Untuk melihat senarai komen yang disediakan, ketik **Bantuan** dalam Menu utama, ketik **Manual produk** dan kemudian, ketik **Apa yang dapat saya katakan?**

Penting: Kawalan suara memerlukan suara komputer. Apabila tiada suara komputer yang dipasang dan dipilih pada peranti TomTom anda, ciri ini tidak tersedia.

Untuk memilih suara komputer, ketik **Suara** dalam menu Tetapan, kemudian, ketik **Tukar suara** dan pilih suara komputer.

Menggunakan kawalan suara

Untuk menghidupkan kawalan suara dan menunjukkan butang dalam Pandangan pemanduan, ketik **Kawalan suara** dalam menu Tetapan dan pilih **Dayakan kawalan suara**.

Untuk mematikan kawalan suara dan mengeluarkan butang dari pandangan Pemanduan, ketik **Kawalan suara** dalam menu Tetapan dan pilih **Nyahdayakan kawalan suara**.

Contoh berikut menunjukkan bagaimana untuk menggunakan kawalan suara untuk merancang perjalanan ke alamat Rumah anda:

1. Ketik butang mikrofon dalam pandangan Pemanduan untuk menghidupkan mikrofon.



Anda nampak skrin dengan contoh arahan yang anda boleh katakan.

Ketik **Apa yang dapat saya katakan?** untuk melihat senarai penuh arahan yang anda boleh katakan. Secara alternatif, ketik **Tetapan** dalam Menu utama, ketik **Kawalan suara** dan kemudian, ketik **Apa yang dapat saya katakan?**

2. Apabila anda mendengar bunyi bip, sebutkan arahan pilihan anda. Contohnya, anda boleh mengatakan "Navigasi rumah". Peranti anda hanya bersedia untuk mendengar selepas anda mendengar bunyi bip.

Semasa anda bercakap, monitor mikrofon menunjukkan sebaik mana peranti boleh mendengar suara anda:

- Bar hijau bermaksud peranti boleh mendengar suara anda.
- Bar merah bermaksud suara anda terlalu kuat untuk peranti mengecam perkataan individu.
- Bar kelabu bermaksud suara anda terlalu senyap untuk peranti mengecam perkataan individu.

Untuk sesetengah ungkapan, peranti anda meminta pengesahan.

Tip: Untuk pengecaman terbaik bagi apa yang anda katakan, bercakap seperti biasa tanpa cuba untuk menyebut perkataan dengan cara yang dibuat-buat. Jika terdapat bunyi jalan yang bising, contohnya, anda mungkin perlu bercakap ke arah mikrofon.

3. Jika arahan betul, katakan "Ya".

Jika arahan salah, sebutkan "Tidak" dan ulangi arahan selepas anda mendengar gesaan dan bunyi bip semula.

Peranti anda merancang laluan dari lokasi semasa ke destinasi anda.

Tip: Untuk menghentikan peranti anda daripada mendengar arahan selanjutnya, katakan "Batal-kan". Untuk balik ke belakang satu langkah, sebut "Balik".

Merancang perjalanan menggunakan suara anda

Penting: Untuk keselamatan dan untuk mengurangkan gangguan semasa anda memandu, anda perlu sentiasa merancang laluan sebelum anda memulakan pemanduan.

Nota: Tidak dapat merancang laluan menggunakan suara anda untuk semua peta di semua negara, atau dalam semua bahasa.

Untuk merancang laluan ke alamat menggunakan pertuturan, lakukan yang berikut:

1. Ketik butang kawalan suara dalam pandangan Pemanduan.



2. Apabila anda mendengar bunyi bip, sebutkan, "Navigasi ke alamat".
3. Sebutkan nama bandar.



Peranti anda menunjukkan senarai bandar yang bunyinya sama dengan apa yang anda katakan dan memberitahu anda bandar mana berada di atas senarai.

Jika bandar yang anda dengar sama dengan bandar yang anda minta, kemudian, sebut, "Selesai" atau "OK" atau "Ya" atau "Satu" atau ketik bandar di atas senarai.

Jika bandar yang anda dengar salah, tetapi, bandar yang betul berada dalam senarai, sebut nombor di sebelah bandar yang betul atau ketik nama bandar.

Contohnya, jika bandar yang betul adalah Rotterdam dan bandar ini ditunjukkan pada item ketiga dalam senarai, anda boleh sebut, "Tiga" atau ketik nama, **Rotterdam**.

Jika nama tersebut tidak ada di dalam senarai, kemudian sebutkan "Balik" atau "Tidak" atau ketik **Balik** untuk kembali ke skrin sebelumnya dan sebutkan nama bandar semula apabila anda mendengar bunyi bip.

4. Sebutkan nama jalan.

Peranti anda menunjukkan senarai nama jalan yang bunyinya sama dengan apa yang anda katakan dan memberitahu anda nama jalan berada di atas senarai.

Jika nama jalan yang anda dengar sama dengan nama jalan yang anda minta, kemudian, katakan, "Selesai" atau "OK" atau "Ya" atau "Satu" atau ketik nama jalan di atas senarai.

Tip: Lokasi berbeza mungkin mempunyai nama yang sama, seperti jalan yang mempunyai beberapa poskad. Apabila ini berlaku, anda perlu melihat pada skrin dan ketik lokasi yang betul.

Jika nama jalan yang anda dengar salah, tetapi, bandar yang betul berada dalam senarai, katakan nombor di sebelah nama jalan yang betul atau ketik nama jalan dalam senarai.

Jika nama jalan tidak ditunjukkan di dalam senarai, sebutkan "Balik" atau "Tidak" atau ketik **Balik** untuk kembali ke skrin sebelumnya kemudian sebutkan nama jalan semula apabila anda mendengar bunyi bip.

5. Sebut nombor rumah.

Penting: Nombor perlu dikatakan dalam bahasa yang sama seperti butang nama dan menu pada peranti anda.



Nombor perlu disebut dengan cara yang sama anda biasanya sebut nombor, dalam satu ayat berterusan. Maka, 357 disebut, "Tiga ratus lima puluh tujuh".

Jika nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Selesai" atau "OK" atau ketik papan kekunci untuk memasukkan nombor.

Jika nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Balik" atau "Tidak" atau ketik kekunci Backspace dan ulang nombor.

Tip: Jika anda sebut, "Balik" apabila tiada nombor pada skrin, peranti anda akan membawa anda kembali ke skrin sebelumnya.

Apabila nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Selesai" atau "OK". Secara alternatif, masukkan nombor dengan mengetik skrin.

6. Apabila laluan telah dikira dan ringkasan laluan ditunjukkan, ketik **Selesai**.

Peranti anda mula memandu anda ke destinasi anda, dengan menggunakan arahan bersuara dan arahan pada skrin.

Tip: Selain daripada untuk merancang laluan menggunakan kawalan Suara, anda boleh mengetik **Navigasi ke** dalam Menu utama dan kemudian, ketik **Alamat yang Dikatakan**. Secara alternatif, anda boleh mengetik butang di bawah papan kekunci sewaktu entri alamat. Apabila butang berwarna kelabu, anda tidak boleh menggunakan pertuturan untuk memasukkan alamat.

Kawalan suara - Pandu ke

Perihal kawalan suara

Nota: Kawalan suara tidak disokong pada semua peranti atau dalam semua bahasa.

Daripada mengetik skrin untuk mengawal peranti TomTom anda, anda boleh menggunakan suara anda untuk mengawal peranti anda.

Contohnya, untuk meningkatkan kelantangan pada peranti anda, anda boleh menyebut "Tingkatkan kelantangan" atau "Kelantangan 50%".

Untuk melihat senarai komen yang disediakan, ketik **Bantuan** dalam Menu utama, ketik **Manual produk** dan kemudian, ketik **Apa yang dapat saya katakan**.

Penting: Kawalan suara memerlukan suara komputer. Apabila tiada suara komputer yang dipasang dan dipilih pada peranti TomTom anda, ciri ini tidak tersedia.

Untuk memilih suara komputer, ketik **Suara** dalam menu Tetapan, kemudian, ketik **Tukar suara** dan pilih suara komputer.

Menggunakan kawalan suara

Kawalan suara dihidupkan secara lalai jika ia disokong oleh bahasa yang anda pilih.

Untuk mematikan kawalan suara dan mengeluarkan butang dari pandangan Pemanduan, ketik **Kawalan suara** dalam menu Tetapan dan pilih **Nyahdayakan kawalan suara**.

Contoh berikut menunjukkan bagaimana untuk menggunakan kawalan suara untuk merancang perjalanan ke alamat Rumah anda:

1. Ketik butang mikrofon dalam pandangan Pemanduan untuk menghidupkan mikrofon.



Anda nampak skrin dengan contoh arahan yang anda boleh katakan.

Ketik **Apa yang dapat saya katakan** untuk melihat senarai penuh arahan yang anda boleh katakan. Secara alternatif, ketik **Tetapan** dalam Menu utama, ketik **Kawalan suara** dan kemudian, ketik **Apa yang dapat saya katakan**.

2. Apabila anda mendengar "Sebutkan arahan" diikuti bunyi bip, sebutkan arahan pilihan anda. Contohnya, anda boleh mengatakan "Pandu ke rumah". Peranti anda hanya bersedia untuk mendengar selepas anda mendengar bunyi bip.

Semasa anda bercakap, monitor mikrofon menunjukkan sebaik mana peranti boleh mendengar suara anda:



Bar hijau bermaksud peranti boleh mendengar suara anda.

Bar merah bermaksud suara anda terlalu kuat untuk peranti mengecam perkataan individu.

Bar kelabu bermaksud suara anda terlalu senyap untuk peranti mengecam perkataan individu.

Untuk sesetengah ungkapan, peranti anda mengulangi apa yang anda katakan dan meminta pengesahan.

Tip: Untuk pengecaman terbaik bagi apa yang anda katakan, bercakap seperti biasa tanpa cuba untuk menyebut perkataan dengan cara yang dibuat-buat. Jika terdapat bunyi jalan yang bising, contohnya, anda mungkin perlu bercakap ke arah mikrofon.

3. Jika arahan betul, katakan "Ya".

Jika arahan salah, sebutkan "Tidak" dan ulangi arahan selepas anda mendengar gesaan dan bunyi bip semula.

Peranti anda merancang laluan dari lokasi semasa ke destinasi anda.

Tip: Untuk menghentikan peranti anda daripada mendengar arahan selanjutnya, katakan "Batal-kan". Untuk balik ke belakang satu langkah, sebut "Balik".

Merancang perjalanan menggunakan suara anda

Penting: Untuk keselamatan dan untuk mengurangkan gangguan semasa anda memandu, anda perlu sentiasa merancang laluan sebelum anda memulakan pemanduan.

Nota: Tidak dapat merancang laluan menggunakan suara anda untuk semua peta di semua negara, atau dalam semua bahasa.

Untuk merancang laluan ke alamat menggunakan pertuturan, lakukan yang berikut:

1. Ketik butang kawalan suara dalam pandangan Pemanduan.



2. Apabila anda mendengar bunyi bip, sebutkan, "Navigasi ke alamat" atau "Pandu ke alamat".

Tip: Peranti anda mempunyai sama ada **Navigasi ke** atau **Pandu ke** pada butang dalam Menu Utama. Apabila merancang laluan ke suatu alamat menggunakan pertuturan, sebutkan "Navigasi ke alamat" jika butang menunjukkan **Navigasi ke** atau "Pandu ke alamat" jika butang menunjukkan **Pandu ke**.

3. Sebutkan nama bandar.



Peranti anda menunjukkan senarai bandar yang bunyinya sama dengan apa yang anda katakan dan memberitahu anda bandar mana berada di atas senarai.

Jika bandar yang anda dengar sama dengan bandar yang anda minta, kemudian, sebut, "Selesai" atau "OK" atau "Ya" atau "Satu" atau ketik bandar di atas senarai.

Jika bandar yang anda dengar salah, tetapi, bandar yang betul berada dalam senarai, sebut nombor di sebelah bandar yang betul atau ketik nama bandar.

Contohnya, jika bandar yang betul adalah Rotterdam dan bandar ini ditunjukkan pada item ketiga dalam senarai, anda boleh sebut, "Tiga" atau ketik nama, **Rotterdam**.

Jika nama tersebut tidak ada di dalam senarai, kemudian sebutkan "Balik" atau "Tidak" atau ketik **Balik** untuk kembali ke skrin sebelumnya dan sebutkan nama bandar semula apabila anda mendengar bunyi bip.

4. Sebutkan nama jalan.

Peranti anda menunjukkan senarai nama jalan yang bunyinya sama dengan apa yang anda katakan dan memberitahu anda nama jalan berada di atas senarai.

Jika nama jalan yang anda dengar sama dengan nama jalan yang anda minta, kemudian, katakan, "Selesai" atau "OK" atau "Ya" atau "Satu" atau ketik nama jalan di atas senarai.

Tip: Lokasi berbeza mungkin mempunyai nama yang sama, seperti jalan yang mempunyai beberapa poskad. Apabila ini berlaku, anda perlu melihat pada skrin dan ketik lokasi yang betul.

Jika nama jalan yang anda dengar salah, tetapi, bandar yang betul berada dalam senarai, katakan nombor di sebelah nama jalan yang betul atau ketik nama jalan dalam senarai.

Jika nama jalan tidak ditunjukkan di dalam senarai, sebutkan "Balik" atau "Tidak" atau ketik **Balik** untuk kembali ke skrin sebelumnya kemudian sebutkan nama jalan semula apabila anda mendengar bunyi bip.

5. Sebut nombor rumah.

Penting: Nombor perlu dikatakan dalam bahasa yang sama seperti butang nama dan menu pada peranti anda.

Nombor rumah:					
1					
1	2	3	4	5	
6	7	8	9	0	←
	ABC	Persimpangan			Selesai

Nombor perlu disebut dengan cara yang sama anda biasanya sebut nombor, dalam satu ayat berterusan. Maka, 357 disebut, "Tiga ratus lima puluh tujuh".

Jika nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Selesai" atau "OK" atau ketik papan kekunci untuk memasukkan nombor.

Jika nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Balik" atau "Tidak" atau ketik kekunci Backspace dan ulang nombor.

Tip: Jika anda sebut, "Balik" apabila tiada nombor pada skrin, peranti anda akan membawa anda kembali ke skrin sebelumnya.

Apabila nombor ditunjukkan dengan betul, sebut, "Selesai" atau "OK". Secara alternatif, masukkan nombor dengan mengetik skrin.

6. Apabila laluan telah dikira dan ringkasan laluan ditunjukkan, ketik **Selesai**.

Peranti anda mula memandu anda ke destinasi anda, dengan menggunakan arahan bersuara dan arahan pada skrin.

Memasukkan alamat menggunakan suara anda

Penting: Untuk keselamatan dan untuk mengurangkan gangguan semasa anda memandu, anda perlu sentiasa merancang laluan sebelum anda memulakan pemanduan.

Walupun, jika anda tidak menggunakan kawalan suara untuk mula merancang perjalanan, anda masih boleh menggunakan suara anda untuk memasukkan alamat.

Untuk mula merancang perjalanan, ketik **Navigasi ke** atau **Pandu ke** dalam Menu utama, kemudian, ketik **Alamat**.

Untuk memasukkan destinasi menggunakan suara anda, ketik salah satu butang berikut:



Alamat ucapan

Ketik butang ini untuk memasukkan alamat secara keseluruhannya menggunakan pertuturan.

Alamat ucapan membantu anda memasukkan maklumat tanpa mengetik skrin.

Pilihan ini mengacak istilah yang diucapkan berikut:

- Arahan: Ya, Tidak, Balik, Selesai, OK Persimpangan.
- Nama jalan.
- Bandar dan pekan dan pusat-pusatnya.
- Kegemaran dan POI.
- Rancang laluan alternatif, Kira semula yang asal, Elak sekatan jalan, Minimumkan kelewatan, Kosongkan laluan, Jalan melalui... dan Destinasi terkini.



Ketik butang ini di dasar papan kekunci untuk menggunakan pertuturan untuk memasukkan alamat. Apabila butang berwarna kelabu, anda tidak boleh menggunakan pertuturan untuk memasukkan alamat.

Butang ini tersedia untuk jenis destinasi berikut:

- **Pusat bandar** - untuk memilih bandar atau pusat bandar.
- **Jalan dan nombor rumah** - untuk memilih alamat.
- **Lintasan atau persimpangan** - untuk memilih tempat di mana dua jalan bertemu.

Tip

Peranti anda mengenal pasti tempat dan nama jalan apabila ia dituturkan dalam bahasa tempatan menggunakan sebutan tempatan.

Entri alamat ucapan tidak dapat dilakukan untuk poskad yang perlu dimasukkan menggunakan papan kekunci.

Entri alamat yang diucapkan tidak tersedia untuk semua peta di semua negara.

Pandangan Pemanduan

Perihal Pandangan Pemanduan

Apabila peranti navigasi TomTom anda bermula untuk kali pertama, anda akan ditunjukkan Pandangan Pemanduan bersama-sama dengan maklumat terperinci bagi kedudukan semasa anda.

Ketik tengah skrin pada bila-bila masa untuk membuka Menu Utama.

Anda boleh memilih skrin ditunjukkan apabila anda menghidupkan peranti anda dengan mengetik **Tetapan** dalam Menu Utama, kemudian, mengetik **Mula**.

Pandangan Pemanduan



1. Butang zum - ketik kanta pembesaran untuk menunjukkan butang untuk menzum masuk dan keluar.
2. Menu pantas - untuk mendayakan menu pantas, ketik **Buat menu anda sendiri** (halaman 59) dalam menu Tetapan. Jika terdapat hanya satu atau dua butang dalam menu anda, kedua-dua butang ditunjukkan dalam pandangan Pemanduan.
3. Kedudukan semasa anda.

4. Maklumat tanda jalan atau nama jalan yang seterusnya.
5. Bar sisi lalu lintas. Ketik bar sisi untuk melihat butiran mengenai kejadian lalu lintas pada laluan anda.
Bar sisi lalu lintas hanya ditunjukkan jika peranti anda mempunyai sama ada langganan Lalu Lintas atau bersambung ke Penerima RDS-TMC. Maklumat lalu lintas tidak tersedia di semua negara atau rantau.
6. Penunjuk paras bateri.
7. Butang mikrofon untuk kawalan suara.

Nota: Kawalan suara tidak disokong pada semua peranti atau dalam semua bahasa.

8. Masa, kelajuan semasa anda dan had kelajuan, jika diketahui. Untuk melihat perbezaan antara masa ketibaan yang anda pilih dan masa ketibaan anda yang dianggarkan, tandakan kotak semakan Ruang masa dalam tetapan palang Status.
Ketik bahagian palang status ini untuk menukar di antara peta 3D dan peta 2D.
9. Nama jalan tempat anda berada.
10. Arahan navigasi untuk jalan ke hadapan dan jarak ke arahan seterusnya. Jika arahan kedua kurang daripada 150m selepas arahan pertama, anda nampak ia ditunjukkan dengan serta-merta dan bukan jarak ditunjukkan.
Ketik bahagian ini bagi palang status untuk mengulangi arahan dan untuk menukar kelantangan. Anda boleh mengetik di sini untuk membisukan bunyi.
11. Baki masa perjalanan, baki jarak dan anggaran masa ketibaan anda.
Ketik bahagian ini bagi palang status untuk membuka skrin Ringkasan Laluan.

Untuk menukar maklumat yang ditunjukkan di palang status, ketik Palang status dalam menu Tetapan.

Simbol Pandangan Pemanduan



Bunyi dibisukan - simbol ini ditunjukkan apabila bunyi dibisukan. Untuk menghidupkan semula bunyi, ketik panel tengah dalam palang status.



Bateri - simbol ini ditunjukkan apabila paras bateri rendah. Apabila anda melihat simbol ini, anda perlu mengecas peranti navigasi anda dengan serta-merta.



Disambungkan ke komputer - simbol ini ditunjukkan apabila peranti navigasi anda disambungkan ke komputer anda.



Telefon mudah alih tidak disambungkan - simbol ini ditunjukkan apabila telefon mudah alih yang dipilih tidak disambungkan ke peranti anda. Anda tentu telah mewujudkan sambungan ke telefon ini.



Perkhidmatan LIVE dimatikan - simbol ini ditunjukkan semasa sambungan data tiada.

Perihal tetapan perancangan semula

Peranti TomTom anda membantu anda tiba ke destinasi anda secepat mungkin dengan menujukkan kepada anda laluan alternatif paling cepat jika ada.

Untuk menukar bagaimana anda ditanya mengenai laluan alternatif, ketik **Tetapan** dan kemudian, **Perancangan laluan**. Ketik **Seterusnya** sehingga anda tiba ke **Tetapan perancangan semula**.

Nota: Tetapan ini hanya tersedia jika peranti anda mempunyai sama ada langganan lalu lintas atau Penerima RDS-TMC. Maklumat lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, pergi ke tomtom.com/services

Tetapkan sama ada anda inginkan peranti TomTom anda untuk merancang semula laluan semasa jika laluan lebih cepat ditemui semasa anda memandu. Ini berguna jika binaan atau pengosongan lalu lintas di hadapan laluan anda. Pilih antara tetapan-tetapan berikut:

- **Sentiasa bertukar ke laluan itu** - pilih pilihan ini untuk tidak menerima mesej apabila laluan yang lebih cepat ditemui. Laluan semasa adalah dikira semula secara automatik sebagai yang paling cepat.
- **Tanya saya jika saya mahukan laluan itu** - pilih pilihan ini untuk ditanya sekiranya anda ingin menggunakan laluan baru. Apabila ditanya sama ada anda mahu menggunakan laluan alternatif, ketik **Ya** untuk laluan semasa dikira semula sebagai yang tercepat. Ketik **Tidak** jika anda tidak mahu menggunakan laluan alternatif. Jika anda mengubah fikiran, ketik belon di atas skrin untuk menggunakan laluan alternatif.
Ketik **Mklmt** untuk melihat ringkasan kedua-dua laluan asal dan alternatif. Kemudian, anda boleh ketik **Selesai** untuk menggunakan laluan paling cepat atau **Laluan semasa** untuk kekal berada pada laluan asal anda.
- **Jangan tanya, hanya tunjukkan kepada saya** - pilih pilihan ini untuk tidak menerima mesej dan hanya ditunjukkan laluan baru pada skrin. Kemudian, anda boleh mengetik belon jika anda memutuskan anda ingin menggunakan laluan alternatif.

Panduan lorong lanjutan

Perihal panduan lorong

Nota: Panduan lorong tidak tersedia untuk semua simpang atau di semua negara.

Peranti navigasi TomTom anda membantu anda bersedia untuk jalan keluar lebuh raya dan simpang dengan menunjukkan lorong pemanduan yang betul untuk laluan anda yang dirancang.

Apabila anda menghampiri jalan keluar atau simpang, lorong yang anda perlukan ditunjukkan di skrin.

Menggunakan panduan lorong

Terdapat dua jenis panduan lorong:

- Imej Lorong



Untuk mematikan imej lorong, ketik **Tetapan** dalam Menu utama, kemudian, ketik **Tetapan lanjutan**. Kosongkan kotak semakan untuk **Tunjukkan imej lorong**.

Tip: Ketik di mana-mana pada skrin untuk balik ke Pandangan Pemanduan.

- Arahan dalam palang status



Tip: Jika tiada panduan lorong yang ditunjukkan dalam palang status dan semua lorong diserahkan, anda boleh menggunakan sebarang lorong.

Menukar laluan anda

Membuat perubahan kepada laluan anda

Selepas anda merancang laluan anda, anda mungkin ingin menukar laluan atau malahan, destinasi. Terdapat pelbagai cara untuk menukar laluan anda tanpa perlu merancang semula sepenuhnya keseluruhan perjalanan.

Untuk menukar laluan semasa, ketik **Tukar laluan** dalam Menu utama:



Tukar laluan

Ketik butang ini untuk menghapuskan laluan semasa.

Butang ini hanya ditunjukkan apabila terdapat laluan yang dirancang pada peranti anda.



Kira alternatif

Ketik butang ini untuk mencari alternatif ke laluan semasa.

Butang ini hanya ditunjukkan apabila terdapat laluan yang dirancang pada peranti TomTom anda.

Ini adalah cara mudah untuk mencari laluan yang berbeza ke destinasi semasa anda.

Peranti anda mengira laluan baru dari lokasi semasa anda, untuk mencapai destinasi anda menggunakan jalan yang sememangnya berbeza.

Laluan baru ditunjukkan di sebelah laluan asal supaya anda boleh memilih laluan yang anda ingin gunakan.



Elak sekatan jalan

Ketik butang ini semasa memandu pada laluan yang dirancang, untuk mengelakkan sekatan jalan atau kesesakan lalu lintas di jalan hadapan.

Peranti anda akan mencadangkan laluan baru yang dapat mengelakkan jalan pada laluan semasa anda untuk jarak yang dipilih.

Jika sekatan jalan atau kesesakan lalu lintas sudah tiada lagi, ketik **Kira semula laluan** untuk merancang semula laluan asal anda.

Penting: Berjaga-jaga apabila laluan baru dikira, anda mungkin diminta untuk mematikan laluan semasa dengan segera.



Minimumkan kelewatan

Ketik butang ini untuk mengelakkan kelewatan lalu lintas pada laluan yang dirancang.

Anda tidak sentiasa dapat mengelakkan semua kelewatan lalu lintas.

Walaupun, peranti anda menyemak secara berterusan untuk kelewatan pada laluan anda, anda boleh mengetik butang ini untuk mula menyemak secara manual. Kemudian, peranti anda mengira laluan terbaik untuk mengelakkan semua atau kebanyakan kelewatan.

Nota: Butang ini hanya ditunjukkan jika peranti anda mempunyai sama ada langgan lalu lintas atau Penerima RDS-TMC. Maklumat lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantaui. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, pergi ke tomtom.com/services



Tukar destinasi

Ketik butang ini untuk menukar destinasi semasa.

Apabila anda menukar destinasi, anda ditunjukkan pilihan yang sama dan diminta untuk memasukkan alamat baru dengan cara yang sama seperti semasa anda merancang laluan baru.



Elak sebahagian laluan

Ketik butang ini untuk mengelakkan sebahagian laluan semasa.

Anda ditunjukkan senarai nama jalan pada laluan anda. Apabila anda mengetik salah satu nama jalan, peranti anda mengira lencongan untuk mengelakkan jalan yang dipilih. Ringkasan laluan menunjukkan laluan yang baru dan laluan asal anda. Ketik panel di sebelah kanan untuk memilih salah satu laluan dan kemudian, ketik **Selesai**.

Jika anda tidak mahu menggunakan mana-mana laluan yang ditunjukkan dalam ringkasan laluan, ketik **Tukar laluan** untuk mencari laluan lain untuk menukar laluan anda.



Jalan melalui...

Ketik butang ini untuk menukar laluan anda dengan memilih lokasi yang anda ingin berjalan pada masa lepas, mungkin supaya anda boleh bertemu seseorang dalam perjalanan.

Apabila anda memilih lokasi untuk berjalan pada masa lepas, anda ditunjukkan pilihan yang sama dan diminta untuk memasukkan alamat baru dengan cara yang sama seperti semasa anda merancang laluan baru.

Peranti anda mengira laluan ke destinasi anda melalui lokasi yang dipilih. Lokasi yang dipilih ditunjukkan pada peta menggunakan penanda.

Anda menerima amaran apabila anda tiba ke destinasi anda dan apabila anda berjalan pada masa lepas di lokasi yang ditanda.

Perihal titik jalan

Nota: Ciri ini tidak tersedia dalam semua peranti navigasi TomTom.

Anda boleh memilih untuk menggunakan titik jalan untuk sebarang sebab berikut:

- Anda ingin berjalan di sepanjang jalan tertentu atau melalui kawasan tertentu dalam perjalanan ke destinasi anda.
- Anda ingin membuat perhentian sebelum mencapai destinasi akhir anda.

Laluan anda boleh termasuk jenis titik jalan berikut:

- Titik jalan dengan pemberitahuan - titik jalan yang berkemungkinan anda ingin berhenti dan keluar, contohnya, POI, stesen minyak atau rumah rakan. Anda dimaklumkan apabila hampir dan tiba ke titik jalan dengan arahan suara atau mesej.
- Titik jalan tanpa pemberitahuan - titik jalan yang anda gunakan untuk membantu memberi panduan laluan anda, contohnya, anda ingin berjalan dari Amsterdam ke Rotterdam menggunakan lebuh raya tertentu. Anda dimaklumkan apabila hampir dengan titik jalan.

Menambah titik jalan pertama ke laluan anda

Untuk menambah titik jalan pertama ke laluan anda, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Tukar laluan**
3. Ketik **Berjalan melalui**

Tip: Anda juga boleh mengetik **Lihat peta** dan kemudian, mengetik **Perjalanan melalui** dalam menu kursor. Jika peranti anda menyokong kawalan Suara, anda juga katakan arahan untuk menambah titik jalan.

4. Pilih lokasi untuk titik jalan anda daripada pilihan Rumah, Kegemaran, Alamat, Destinasi terkini, POI, tempat dalam peta, longitud/latitud, kedudukan hentian terakhir atau anda boleh melaksanakan carian.

Pada skrin ringkasan laluan, mesej mengesahkan bahawa laluan dikira semula untuk memasukkan titik jalan. Di menu Tukar laluan, Perjalanan melalui butang bertukar untuk menunjukkan bahawa anda kini mempunyai satu titik jalan pada laluan semasa anda.

Nota: Semua titik jalan ditambah pada awalnya sebagai titik jalan dengan pemberitahuan. Bilangan maksimum titik jalan yang boleh anda tambah ialah tiga.

Menambah titik jalan selanjutnya pada laluan anda

Untuk menambah lebih banyak titik jalan pada laluan anda selepas yang pertama telah ditambah, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Tukar laluan**
3. Ketik **Berjalan melalui**

Tip: Jika peranti anda menyokong Kawalan suara, anda juga katakan arahan untuk menambah titik jalan.

4. Ketik **Tambah**.
5. Pilih lokasi untuk titik jalan anda daripada pilihan Rumah, Kegemaran, Alamat, Destinasi terkini, POI, tempat dalam peta, latitud/longitude, kedudukan hentian terakhir atau anda boleh melaksanakan carian.

Mesej memberitahu anda di mana dalam senarai titik jalan, titik jalan yang baru telah dimasukkan.

6. Ketik **Selesai**.

Pada skrin ringkasan laluan, mesej mengesahkan bahawa laluan dikira semula untuk memasukkan titik jalan.

7. Ulang untuk menambah lebih banyak titik jalan.

Pada menu Tukar laluan, butang Perjalanan melalui bertukar untuk menunjukkan bahawa sekarang anda mempunyai beberapa titik jalan pada laluan semasa anda.

Nota: Semua titik jalan ditambah pada awalnya sebagai titik jalan dengan pemberitahuan.

Menukar susunan titik jalan

Titik jalan ditambah secara automatik dalam susunan dioptimumkan tetapi anda masih boleh menukar susunan secara manual jika perlu. Untuk menukar susunan titik jalan, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu Utama.

2. Ketik **Tukar laluan**

3. Ketik **Berjalan melalui**

Anda nampak senarai titik jalan anda.

4. Ketik Kegemaran yang ingin anda padam.

Anda nampak skrin dengan nama titik jalan anda di atas.

5. Ketik **Alih ke atas** atau **Alih ke bawah**.

Titik jalan anda mengubah kedudukannya dalam senarai dan anda dibawa kembali ke senarai titik jalan anda dengan serta-merta.

Tip: Anda tidak boleh mengalihkan titik jalan yang tidak dilawati ke dalam senarai titik jalan yang sudah dilawati.

Memadam titik jalan

Untuk memadam titik jalan, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu Utama.

2. Ketik **Tukar laluan**.

3. Ketik **Berjalan melalui**

Anda nampak senarai titik jalan anda.

4. Ketik titik jalan yang anda ingin padam.

Anda nampak skrin dengan nama titik jalan anda di atas.

5. Ketik **Padam**.

Titik jalan anda dipadam dan anda dibawa kembali ke senarai titik jalan anda dengan serta-merta.

Menukar tetapan pemberitahuan untuk titik jalan

Jika titik jalan mempunyai pemberitahuan dihidupkan, anda nampak ikon di sebelahnya dalam senarai titik jalan anda. Untuk menghidupkan atau mematikan pemberitahuan untuk titik jalan, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.

2. Ketik **Tukar laluan**

3. Ketik **Berjalan melalui**

Anda nampak senarai titik jalan anda.

4. Ketik titik jalan yang anda ingin tukar tetapan pemberitahuannya.

Anda nampak skrin dengan nama titik jalan anda di atas.

5. Ketik **Hidupkan/Matikan pemberitahuan**.

Tetapan pemberitahuan bertukar untuk titik jalan anda dan anda dibawa kembali ke senarai titik jalan anda dengan serta-merta.

Tip: Jika titik jalan sudah dilawati, anda tidak boleh menghidupkan atau mematikan pemberitahuan.

Mengaktifkan semula titik jalan

Nota: Anda hanya boleh mengaktifkan semula titik jalan yang sudah dilawati. Titik jalan yang dilawati dikelabukan.

Untuk mengaktifkan semula titik jalan, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Tukar laluan**
3. Ketik **Berjalan melalui**
Anda nampak senarai titik jalan anda.
4. Ketik titik jalan yang dilawati yang anda ingin aktifkan semula.
Anda nampak skrin dengan nama titik jalan anda di atas.
5. Ketik **Aktifkan semula.**
Titik jalan dipadam dan dimasukkan semula ke dalam senarai titik jalan yang belum dilawati.

Lihat peta

Perihal melihat peta


Anda boleh melihat peta dengan cara yang sama seperti yang anda mungkin lihat pada peta kertas tradisional. Peta menunjukkan lokasi semasa anda dan banyak lokasi lain seperti Kegemaran dan POI.

Untuk melihat peta dengan cara ini, ketik **Lihat peta** atau **Lihat laluan** dalam Menu utama.

Anda boleh melihat lokasi berbeza pada peta dengan mengalihkan peta merentasi skrin. Untuk mengalih peta, sentuh skrin dan seret jari anda merentasi skrin. Jika peranti anda menyokong gerak isyarat, anda juga boleh menzum masuk dan keluar dengan menyentuh skrin menggunakan ibu jari dan telunjuk anda dan meluncurkannya bersama-sama atau secara berasingan.

Untuk memilih lokasi pada peta, ketik lokasi pada peta. Kursor menyerlahkan lokasi dan memaparkan maklumat yang berguna mengenai lokasi dalam panel maklumat. Ketik panel maklumat untuk membuat Kegemaran atau merancang laluan ke lokasi itu.

Lihat peta



1. Bar skala

2. Lalu lintas - insiden lalu lintas semasa. Gunakan butang Pilihan untuk memilih sama ada maklumat lalu lintas ditunjukkan pada peta. Apabila maklumat lalu lintas ditunjukkan di peta, POI dan Kegemaran tidak ditunjukkan.

Nota: Untuk menggunakan perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, anda mungkin memerlukan langganan atau penerima. Perkhidmatan lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk maklumat lanjut, lawati tomtom.com/services.

3. Penanda

Penanda menunjukkan jarak ke lokasi. Penanda berwarna seperti yang berikut:

- Biru - menghala ke lokasi semasa anda. Penanda ini berwarna kelabu jika anda kehilangan isyarat GPS anda.
- Kuning - menghala ke lokasi rumah anda.
- Merah - menghala ke destinasi anda.

Ketik satu penanda untuk menumpukan peta ke lokasi yang ditunjukkan oleh penanda.

Anda juga boleh menetapkan penanda anda sendiri. Ketik butang kursor, kemudian ketik **Tetapkan kedudukan penanda** untuk meletakkan penanda hijau di kedudukan kursor.

Untuk mematikan penanda, ketik **Pilihan**, kemudian, **Lanjutan** dan kosongkan kotak semakan **Penanda**.

4. Butang pilihan

5. Kursor dengan belon nama jalan

Ketik butang dalam belon nama jalan untuk membuka menu kursor. Ketik butang ini untuk menavigasi ke kedudukan kursor, menjadikan kedudukan kursor sebagai Kegemaran, atau mencari Tempat Tumpuan berhampiran kedudukan kursor.

6. Butang Cari

Ketik butang ini untuk mencari alamat khusus, kegemaran atau Tempat Tumpuan.

7. Bar zum

Mengezum masuk dan keluar dengan menggerakkan gelangsa.

Pilihan

Ketik butang **Pilihan** untuk menetapkan maklumat yang ditunjukkan pada peta dan tunjukkan maklumat berikut:

- **Lalu lintas** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan maklumat lalu lintas pada peta. Apabila maklumat lalu lintas ditunjukkan, POI dan Kegemaran tidak ditunjukkan.

Nota: Untuk menggunakan perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, anda mungkin memerlukan langganan atau penerima. Perkhidmatan lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk maklumat lanjut, lawati tomtom.com/services.

- **Nama** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan nama jalan dan bandar pada peta.
- **Tempat tumpuan (POI)** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan POI pada peta. Ketik **Pilih POI** untuk memilih kategori POI mana untuk ditunjukkan pada peta.
- **Imej** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan imej satelit bagi kawasan yang sedang dilihat. Imej satelit tidak terdapat dalam setiap peta atau untuk setiap lokasi pada peta.
- **Kegemaran** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan Kegemaran anda pada peta.

Ketik **Lanjutan** untuk menunjukkan atau menyembunyikan maklumat berikut:

- **Penanda** - pilih pilihan ini untuk mendayakan penanda. Penanda menunjuk ke lokasi semasa (biru), lokasi rumah (jingga) dan destinasi (merah) anda. Penanda menunjukkan jarak ke lokasi. Ketik penanda untuk memusatkan peta ke lokasi yang penanda dihalakan.
Untuk membuat penanda anda sendiri, ketik butang kursor. Kemudian, ketik **Tetapkan kedudukan penanda** untuk meletakkan penanda hijau di kedudukan kursor.
Untuk menyahdaya penanda, ketik **Pilihan**, kemudian ketik **Lanjutan** dan nyahpilih **Penanda**.
- **Koordinat** - pilih pilihan ini untuk menunjukkan koordinat GPS pada penjuru kiri bawah peta.

Menu kursor

Kursor boleh digunakan untuk melakukan lebih daripada menyerlahkan lokasi pada peta.

Letakkan kursor di lokasi pada peta, kemudian, ketik anak panah dan kemudian, ketik salah satu butang berikut:



Ketik butang ini untuk merancang laluan ke kedudukan kursor pada peta.

Navigasi ke sana



Ketik butang ini untuk melihat maklumat mengenai lokasi pada peta seperti alamat.

Lihat lokasi



Ketik butang ini untuk membuat penanda hijau anda sendiri dan letak-kannya di kedudukan kursor.

Jika terdapat penanda hijau, butang ini bertukar kepada **Padam penanda**.

Simpan kedudukan



Ketik butang ini untuk mencari POI yang berhampiran dengan kedudukan kursor pada peta.

Contohnya, jika kursor sedang menyerlahkan lokasi restoran pada peta, anda boleh mencari parkir bertingkat berdekatan.

Cari POI berdekatan



Ketik butang ini untuk membuat pembetulan peta untuk kedudukan kursor pada peta.

Anda boleh membuat pembetulan hanya pada peta anda sendiri atau anda boleh berkongsi pembetulan dengan komuniti Map Share TomTom.



Ketik butang ini untuk membuat Kegemaran di kedudukan kursor pada peta.

Tambah sebagai Kegemaran



Ketik butang ini untuk membuat POI di kedudukan kursor pada peta.

Tambah sebagai POI



Jalan melalui...

Ketik butang ini untuk berjalan melalui kedudukan kursor pada peta sebagai sebahagian daripada laluan semasa anda. Destinasi anda kekal sama seperti sebelum ini, tetapi, laluan anda sekarang termasuk lokasi ini.

Butang ini hanya tersedia apabila terdapat laluan yang dirancang.



Pusat pada peta



Hubungi...

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti.

Ketik butang ini untuk menghubungi lokasi di kedudukan kursor.

Butang ini hanya tersedia jika peranti TomTom anda mempunyai nombor telefon lokasi itu.

Nombor telefon untuk kebanyakan POI disediakan pada peranti TomTom anda.

Anda juga boleh menghubungi nombor telefon POI anda sendiri.

Pembetulan peta

Mengenai Map Share

Map Share membantu anda membetulkan ralat peta. Anda boleh membetulkan beberapa jenis ralat peta.

Untuk melakukan pembetulan pada peta anda sendiri, ketik **Pembetulan peta** di dalam menu Tetapan.

Nota: Map Share tidak tersedia di semua rantau. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke tomtom.com/mapshare.

Membetulkan ralat peta

Penting: Untuk tujuan keselamatan, jangan masukkan butiran penuh pembetulan peta semasa anda memandu. Tandakan lokasi peta sebagai ralat dan masukkan butiran penuh pada waktu lain.

Untuk membetulkan ralat peta, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Pembetulan peta** dalam menu Tetapan.



2. Ketik **Betulkan ralat peta**
3. Pilih jenis pembetulan peta yang anda ingin gunakan.
4. Pilih bagaimana anda ingin memilih lokasi.
5. Pilih lokasi. Kemudian, ketik **Selesai**.
6. Masukkan butiran bagi pembetulan. Kemudian, ketik **Selesai**.
7. Pilih sama ada pembetulan tersebut adalah untuk sementara atau kekal.
8. Ketik **Teruskan**.

Pembetulan disimpan.

Jenis pembetulan peta

Untuk melakukan pembetulan pada peta anda, ketik **Pembetulan petadi** dalam menu Tetapan, kemudian ketik **Betulkan ralat peta**. Terdapat beberapa jenis pembetulan peta yang disediakan.



**(Buang)sekatan
jalan**

Ketik butang ini untuk menyekat atau membuka sekatan jalan. Anda boleh menyekat atau membuka sekatan jalan dalam satu atau kedua-dua arah.

Sebagai contoh, untuk membetulkan jalan berdekatan lokasi semasa anda, lakukan yang berikut:

1. Ketik **(Buang)sekatan jalan.**
2. Ketik **Berhampiran anda** untuk memilih jalan berhampiran lokasi semasa anda. Sebagai alternatif, anda boleh memilih jalan mengikut nama, jalan yang berdekatan dengan lokasi Rumah anda atau jalan di peta.
3. Pilih jalan atau bahagian jalan yang ingin anda betulkan dengan mengetik pada peta.
Jalan yang anda pilih akan diserahkan dan kursor menunjukkan nama jalan.
4. Ketik **Selesai.**
Peranti anda menunjukkan jalan dan sama ada lalu lintas disekat atau dibenarkan di setiap arah.



5. Ketik satu daripada butang arah untuk menyekat atau membuka sekatan aliran lalu lintas dalam arah itu.
6. Ketik **Selesai.**



Balikkan arah lalu lintas

Ketik butang ini untuk membetulkan arah lalu lintas jalan sehala, di mana arah lalu lintas adalah berbeza daripada arah yang ditunjukkan pada peta anda.

Nota: Balikkan arah lalu lintas hanya berfungsi untuk jalan sehala. Jika anda memilih jalan dua hala, anda akan diberi peluang untuk menyekat/membuka sekatan jalan, dan bukan menukar arah.



Edit nama jalan

Ketik butang ini untuk menukar nama jalan pada peta anda. Sebagai contoh, untuk menamakan semula jalan berhampiran lokasi semasa anda:

1. Ketik **Edit nama jalan.**
2. Ketik **Berhampiran anda.**
3. Pilih jalan atau bahagian jalan yang ingin anda betulkan dengan mengetik pada peta.
Jalan yang anda pilih akan diserahkan dan kursor menunjukkan nama jalan.
4. Ketik **Selesai.**

Petua: Jika bahagian yang diserahkan tidak betul, ketik **Edit** untuk

menukar bahagian jalan raya yang berasingan.

5. Taip nama jalan yang betul.
6. Ketik **Teruskan**.



Tukar sekat belokan

Ketik butang ini untuk menukar dan melaporkan arah belokan jalan raya yang salah.



Tukar kelajuan jalan

Ketik butang ini untuk menukar dan melaporkan had kelajuan jalan.



Tambah atau keluarkan bulatan

Ketik butang ini untuk menambah atau mengeluarkan bulatan.



Tambah POI yang tiada

Ketik butang ini untuk menambah Tempat Tumpuan (POI) baru.

Sebagai contoh, untuk menambah restoran baru berhampiran lokasi semasa anda:

1. Ketik **Tambah POI yang tiada**.
2. Ketik **Restoran** dalam senarai kategori POI.
3. Ketik **Berhampiran anda**.

Anda boleh memilih lokasi dengan memasukkan alamat atau dengan memilih lokasi pada peta. Pilih **Berhampiran anda** atau **Berhampiran rumah** untuk membuka peta di lokasi semasa anda atau lokasi Rumah anda

4. Pilih lokasi restoran yang tiada.
 5. Ketik **Selesai**.
 6. Taipkan nama bagi restoran kemudian ketik **Seterusnya**.
 7. Jika anda ketahui nombor telefon bagi restoran anda boleh menapkannya, kemudian ketik **Seterusnya**.
- Jika anda tidak ketahui nombor tersebut, hanya ketik **Seterusnya** tanpa menaip nombor.

1. Ketik **Teruskan**.



Edit POI

Ketik butang ini untuk menyunting POI yang ada.

Anda boleh menggunakan butang ini untuk membuat perubahan berikut kepada POI:

- Padam POI.
- Namakan semula POI.
- Tukar nombor telefon POI.
- Tukar kategori POI berada.

- Gerakkan POI pada peta.
-



Ketik butang ini untuk menghantar komen mengenai POI. Gunakan butang ini jika anda tidak mahu mengedit ralat dengan POI menggunakan butang **Edit POI**.

Komen tentang POI



Betulkan nombor rumah.

Ketik butang ini untuk membetulkan lokasi nombor rumah. Masukkan alamat yang anda ingin betulkan dan kemudian, nyatakan pada peta lokasi yang betul bagi nombor rumah itu.



Jalan sedia ada

Ketik butang ini untuk mengedit jalan yang ada. Selepas sahaja memilih jalan, anda boleh memilih ralat yang hendak dilaporkan. Anda boleh memilih lebih daripada satu jenis ralat untuk satu jalan.



Jalan tiada

Ketik butang ini untuk melaporkan jalan tiada. Anda perlu memilih titik mula dan akhir jalan yang tidak dijumpai itu.



Bandar

Ketik butang ini untuk melaporkan ralat mengenai bandar atau kampung. Anda boleh melaporkan jenis ralat yang berikut:

- Bandar tiada
 - Nama bandar salah
 - Nama bandar alternatif
 - Lain-lain
-



Jalan masuk/keluar lebuh raya

Ketik butang ini untuk melaporkan ralat mengenai jalan masuk atau jalan keluar lebuh raya.



Poskad

Ketik butang ini untuk melaporkan ralat tentang poskad.



Lain-lain

Ketik butang ini untuk melaporkan pembetulan jenis lain.

Pembetulan ini tidak digunakan dengan serta-merta pada peta anda tetapi, disimpan dalam laporan khas.

Anda boleh melaporkan jalan tiada, ralat jalan masuk dan jalan keluar lebuh raya dan bulatan yang tiada. Jika pembetulan yang anda ingin laporkan tidak diliputi oleh mana-mana jenis laporan ini, masukkan penerangan umum kemudian ketik **Lain-lain**.

Bunyi dan suara

Perihal bunyi dan suara

Peranti TomTom anda menggunakan bunyi untuk sesetengah atau kesemua yang berikut:

- Arahan pemanduan dan arahan laluan lain
- Maklumat lalu lintas

Nota: Untuk menggunakan perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, anda mungkin memerlukan langganan atau penerima. Perkhidmatan lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk maklumat lanjut, lawati tomtom.com/services.

- Amaran yang anda tetapkan
- Panggilan telefon bebas tangan

Terdapat dua jenis suara yang disediakan untuk peranti anda:

- Suara komputer
 - Suara komputer dijana oleh peranti anda. Ia memberikan arahan laluan dan membaca dengan kuat nama bandar dan jalan, lalu lintas dan maklumat lain yang berguna.
- Suara manusia
 - Ia dirakam oleh pelakon dan hanya memberikan arahan laluan.

Perihal suara komputer

Peranti TomTom anda menggunakan teknologi teks-kepada-pertuturan dan suara komputer untuk membaca nama jalan pada peta anda semasa ia memandu anda di sepanjang laluan anda.

Suara komputer menganalisis seluruh ungkapan atau ayat sebelum bercakap, untuk memastikan bunyi ayat sama dengan pertuturan yang tidak dibuat-buat.

Suara komputer boleh mengecam dan menyebut nama bandar dan jalan asing. Contohnya, suara komputer bahasa Inggeris boleh membaca dan menyebut nama jalan di Perancis tetapi sebutan mungkin tidak tepat sepenuhnya.

Memilih suara

Untuk memilih suara yang berbeza pada peranti TomTom anda, sama ada ketik **Tukar suara** dalam menu **Tetapan** atau ketik **Suara**, kemudian ketik **Tukar suara** dan pilih suara yang dikehendaki.

Menukar tahap kelantangan

Anda boleh menukar kelantangan pada peranti TomTom anda dalam beberapa cara.

- Dalam Pandangan Pemanduan
 - Ketik panel tengah pada palang status dan gerakkan gelangsa untuk melaraskan kelantangan. Arahan laluan terakhir dimainkan supaya anda boleh mendengar paras kelantangan yang baru.
- Pilih menu Tetapan.

Ketik **Tetapan** dalam Menu utama, kemudian, ketik **Kelantangan** dan gerakkan gelangsa untuk melaraskan kelantangan. Ketik **Ujian** untuk mendengar paras kelantangan yang baru.

Kawalan kelantangan automatik

Untuk menetapkan peranti TomTom anda untuk secara automatik melaraskan kelantangan, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Tetapan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Kelantangan**.
3. Pilih **Hubungkan kelantangan dengan kelajuan kereta** untuk melaraskan kelantangan di dalam kereta secara automatik dengan respons kepada perubahan kelajuan pemanduan anda.
4. Ketik **Selesai**.

Tetapan

Perihal Tetapan

Anda boleh menukar rupa dan kelakuan peranti TomTom anda. Kebanyakan tetapan pada peranti anda boleh diakses dengan mengetik **Tetapan** dalam Menu utama.

Nota: Bukan semua tetapan yang diterangkan di sini tersedia pada semua peranti.

Tetapan 2D/3D



Tetapan 2D/3D

Ketik butang ini untuk menetapkan pandangan lalai peta. Untuk bertukar di antara pandangan 2D dan 3D semasa memandu, ketik bahagian kiri bar status di Pandangan Pemanduan.

Kadangkala, adalah mudah untuk melihat peta dari atas, seperti semasa menavigasi rangkaian jalan yang rumit.

Pandangan 2D menunjukkan pandangan dua dimensi untuk peta, seolah-olah dilihat dari atas.

Pandangan 3D menunjukkan pandangan tiga dimensi peta seolah-olah anda sedang memandu melalui landskap.

Butang yang berikut ada tersedia:

- **Pandangan 2D: putar peta dalam arah perjalanan** - ketik butang ini supaya peta diputarkan secara automatik dengan arah anda berjalan sentiasa di atas.
- **Tukar ke pandangan 3D semasa mengikuti laluan** - ketik butang ini untuk menunjukkan peta secara automatik ke pandangan 3D bila-bila anda mengikuti laluan.

Tetapan lanjutan



Tetapan lanjutan

Ketik butang ini untuk memilih tetapan lanjutan berikut:

- **Tunjukkan nombor rumah sebelum nama jalan** - apabila tetapan ini dipilih, alamat ditunjukkan dengan nombor rumah diikuti dengan nama jalan, seperti 10 Downing Street.
- **Tunjukkan nama jalan** - apabila tetapan ini dipilih, nama jalan ditunjukkan pada peta dalam Pandangan Pemanduan.
- **Tunjukkan nama jalan seterusnya** - apabila tetapan ini dipilih, nama jalan seterusnya pada laluan anda ditunjukkan di atas pandangan Pemanduan.
- **Tunjukkan nama jalan semasa pada peta** - apabila tetapan ini dipilih, nama jalan di mana anda berada ditunjukkan di atas bar status Pandangan Pemanduan.
- **Tunjukkan pratonton lokasi** - apabila tetapan ini dipilih, pratonton grafik bagi destinasi anda ditunjukkan sewaktu perancangan laluan.
- **Dayakan zum automatik dalam pandangan 2D** - apabila tetapan ini

dipilih, seluruh laluan ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan apabila peta ditunjukkan dalam 2D.

- **Dayakan zum automatik dalam pandangan 2D** - apabila tetapan ini dipilih, anda nampak pandangan yang lebih luas apabila anda berada di lebuhraya dan jalan-jalan utama. Kemudian, anda zum masuk secara automatik apabila anda hampir simpang.
- **Tunjukkan imej lorong** - apabila tetapan ini dipilih, pandangan grafik jalan di hadapan menunjukkan lorong mana anda perlu gunakan apabila anda hampir simpang atau susur keluar lebuhraya. Anda boleh pilih untuk melihat imej lorong skrin sisi, imej lorong skrin penuh atau anda boleh mematikan imej lorong keseluruhannya. Ciri ini tidak disediakan untuk semua jalan.
- **Tunjukkan petua** - tetapan ini menghidupkan dan mematikan tip.
- **Laraskan jam untuk zon masa secara automatik** - apabila tetapan ini dipilih, jam anda dilaraskan secara automatik untuk zon masa anda.

Penjimatan bateri



Penjimatan bateri

Untuk menukar tetapan penjimatan kuasa, ketik butang ini pada peranti anda.

Kecerahan



Kecerahan

Ketik butang ini untuk menetapkan kecerahan skrin. Gerakkan gelangsa untuk melaraskan paras kecerahan.

Untuk melihat peta dan menu dalam warna siang atau malam, ketik

Gunakan warna siang atau **Gunakan warna malam** dalam menu Tetapan.

Simbol kereta



Simbol kereta

Ketik butang ini untuk memilih simbol kereta yang menunjukkan kedudukan semasa anda di dalam Pandangan pemanduan.

Jam



Jam

Ketik butang ini untuk memilih format masa. Sebaik sahaja anda menetapkan GPS, masa akan ditetapkan secara automatik. Jika anda belum menetapkan GPS, anda boleh memilih untuk menetapkan masa secara manual.

Sambungan



Sambungan

Ketik butang ini untuk membuka menu **Sambungan**. Item menu membolehkan anda mengawal sambungan peranti navigasi anda.

Dayakan / Nyahdayakan Bluetooth



Dayakan Bluetooth

Ketik butang ini untuk mendayakan Bluetooth®.

Nota: Ciri ini tidak tersedia dalam semua peranti navigasi TomTom.



Nyahdaya Blue-tooth

Ketik butang ini untuk menyahdayakan Bluetooth®.

Nota: Ciri ini tidak tersedia dalam semua peranti navigasi TomTom.

Dayakan / Nyahdayakan mod penerbangan



Dayakan / Nyahdayakan mod penerbangan

Ketik butang ini untuk mendayakan atau menyahdayakan mod pen-erbangan. Mod penerbangan menghentikan semua komunikasi dari peranti.

Kegemaran



Kegemaran

Ketik butang ini untuk menambah, menamakan semula atau memadam Kegemaran.

Kegemaran memberikan cara yang mudah untuk memilih lokasi tanpa perlu memasukkan alamat. Ia tidak perlu menjadi tempat kegemaran, ia boleh dilihat sebagai koleksi alamat berguna.

Untuk membuat Kegemaran baru, ketik **Tambah**. Kemudian, masukkan alamat lokasi dengan cara yang sama anda memasukkan alamat semasa anda merancang laluan.



Untuk melihat atau menukar Kegemaran sedia ada, ketik salah satu item dalam senarai. Untuk melihat lebih banyak Kegemaran pada peta, ketik butang kiri atau kanan.



Status GPS



Status GPS

Ketik butang ini untuk melihat status semasa bagi penerimaan GPS pada peranti anda.

Lokasi rumah



Lokasi rumah

Ketik butang ini untuk menetapkan atau menukar lokasi Rumah. Anda masukkan alamat dengan cara yang sama dengan ketika anda merancang laluan.

Lokasi Rumah anda memberi cara mudah untuk merancang laluan ke lokasi penting.

Bagi kebanyakan orang, lokasi Rumah anda adalah alamat rumah anda. Walau bagaimanapun, anda mungkin memilih untuk menetapkan lokasi ini kepada destinasi tetap lain, seperti tempat kerja.

Papan kekunci



Papan kekunci

Ketik butang ini untuk memilih papan kekunci yang akan disediakan untuk kegunaan anda dan susun atur bagi papan kekunci Latin.

Anda gunakan papan kekunci untuk memasukkan nama dan alamat, seperti semasa anda merancang laluan atau mencari nama bandar atau restoran tempatan.

Bahasa



Bahasa

Ketik butang ini untuk menukar bahasa yang digunakan bagi semua butang dan mesej yang anda lihat dalam peranti anda.

Anda boleh memilih daripada pilihan bahasa yang luas. Apabila anda menukar bahasa, anda juga diberi peluang untuk menukar suara.

Buat menu anda sendiri



Buat menu anda sendiri

Ketik butang ini untuk menambah sehingga enam butang pada menu anda yang diperbadikan.

Jika terdapat hanya satu atau dua butang dalam menu anda, kedua-dua butang ditunjukkan dalam pandangan Pemanduan.

Jika anda mempunyai tiga atau lebih butang dalam menu anda, kemudian, satu butang ditunjukkan dalam pandangan Pemanduan yang membuka menu anda apabila diketik.

Uruskan POI



Uruskan POI

Ketik butang ini untuk mengurus kategori Tempat Tumpuan (POI) dan lokasi anda sendiri.

Anda boleh menetapkan peranti TomTom anda agar anda diberitahu apabila anda hampir dengan lokasi POI yang dipilih. Contohnya, anda boleh menetapkan peranti anda agar anda diberitahu apabila anda hampir dengan stesen minyak.

Anda boleh membuat kategori POI anda sendiri dan menambah lokasi POI anda sendiri pada kategori ini.

Anda boleh, contohnya, membuat kategori POI baru yang dipanggil Rakan. Kemudian, anda boleh menambah semua alamat rakan anda sebagai POI dalam kategori baru ini.

Ketik butang berikut untuk membuat dan mengekalkan POI anda sendiri:

- **Tambah POI** - ketik butang ini untuk menambah lokasi pada salah satu kategori POI anda sendiri.
- **Beri amaran apabila hampiri POI** - ketik butang ini untuk menetapkan peranti anda untuk memberi amaran apabila anda berhampiran POI yang dipilih.
- **Padam POI** - ketik butang ini untuk memadam POI.
- **Edit POI** - ketik butang ini untuk mengedit salah satu POI anda sendiri.
- **Tambah kategori POI** - ketik butang ini untuk mencipta kategori POI yang baru.
- **Padam kategori POI** - ketik butang ini untuk memadam salah satu

kategori POI anda sendiri.

Warna peta



Ketik butang ini untuk memilih skim warna bagi warna peta siang dan malam.

Ketik **Cari** untuk mencari skema warna dengan menaip nama.

Warna peta

Pembetulan peta



Ketik butang ini untuk [membetulkan ralat pada peta anda](#).

Pembetulan peta

Saya dan peranti saya



Ketik butang ini untuk mendapatkan maklumat teknikal mengenai TomTom anda, dan pilih sama ada anda ingin berkongsi maklumat dengan TomTom.

Saya dan peranti saya



Ketik butang ini untuk mendapatkan maklumat teknikal mengenai TomTom anda, seperti nombor siri peranti, versi aplikasi dan versi peta.

Tentang peranti saya



Ketik butang ini untuk menukar sama ada anda ingin berkongsi maklumat dengan TomTom.

Maklumat saya

Akaun MyTomTom



akaun MyTomTom

Ketik butang ini untuk mengelog masuk ke akaun TomTom anda.

Anda hanya boleh mengelog masuk ke satu akaun pada satu masa pada peranti anda. Jika anda mempunyai lebih daripada satu akaun atau beberapa orang berkongsi peranti yang sama, anda boleh bertukar dari satu akaun kepada yang lain seperti yang diperlukan.

Rangkaian



Rangkaian

Ketik butang ini pada menu **Sambungan** untuk membuka skrin status Sambungan. Skrin ini menunjukkan status sambungan peranti anda.

Kendalikan dengan tangan kiri / Kendalikan dengan tangan kanan



Ketik butang ini untuk membuatkannya mudah untuk pengendalian dengan tangan kanan atau kiri.

Ia akan melibatkan item seperti bar zum semasa anda melihat peta.

Kendalikan dengan tangan kiri / Kendalikan dengan tangan kanan

Telefon



Telefon

Ketik butang ini pada menu **Sambungan** untuk membuka [menu Telefon](#).

Tetapkan semula tetapan kilang



Tetapkan semula tetapan kilang

Ketik butang ini untuk memilih di antara set semula kilang sepenuhnya atau separa.

Set semula sepenuhnya akan memadam semua tetapan peribadi anda dan memulihkan tetapan kilang standard kepada peranti TomTom anda.

Set semula separa akan memadam tetapan peribadi sedia ada anda tetapi mengekalkan maklumat lokasi termasuk Kegemaran, destinasi terkini, lokasi rumah dan tempat kerja, kategori POI dan POI.

Ini bukan kemas kini perisian dan tidak akan melibatkan versi aplikasi perisian yang dipasang pada peranti anda.

Perancangan laluan



Perancangan laluan

Ketik butang **Perancangan laluan** untuk menetapkan cara TomTom anda mengira laluan yang anda rancangkan.

Ketik butang bagi setiap pilihan untuk menukar tetapan.

Nota: Tetapan ini tidak tersedia jika anda menggunakan produk pekhemah dan karavan TomTom.

Untuk produk pekhemah dan karavan, sebaliknya, tetapan [kenderaan dan laluan](#) tersedia.

Jenis laluan

Tetapkan jenis laluan yang anda inginkan TomTom anda untuk kira semula.

Ketik **IQ Route** untuk menetapkan jika anda ingin peranti menggunakan maklumat IQ Route untuk membantu mencari laluan terbaik.

Tetapan Jalan tol, Feri, Lorong kongsi kereta dan Jalan tak diturap

Tetapkan bagaimana TomTom anda perlu mengurus setiap satu daripada ciri jalan ini apabila peranti mengira laluan.

Lorong kongsi kereta kadang-kala dikenali sebagai Lorong Kenderaan Kependudukan Tinggi dan tidak wujud di setiap negara. Untuk berjalan di lorong ini, anda mungkin perlu mempunyai lebih daripada seorang di dalam kereta, contohnya, atau kereta mungkin perlu menggunakan bahan api mesra alam sekitar.

Ringkasan laluan

Tetapkan sama ada anda inginkan skrin ringkasan laluan untuk ditutup secara automatik selepas anda merancang laluan. Jika anda memilih **Tidak**, kemudian, anda perlu mengetik **Selesai** untuk menutup skrin ringkasan laluan setiap kali anda merancang laluan.

Tetapan keselamatan



Ketik butang ini untuk memilih ciri keselamatan yang hendak anda gunakan pada peranti anda.

Tetapan keselamatan



Tunjukkan POI pada peta

Ketik butang ini untuk memilih jenis Tempat Tumpuan (POI) yang anda ingin lihat pada peta.

1. Ketik **Tunjukkan POI pada peta** di dalam menu Tetapan.
2. Pilih kategori POI yang anda ingin tunjukkan pada peta.
Ketik **Cari** dan gunakan papan kekunci untuk mencari nama kategori.
3. Pilih sama ada anda inginkan POI ditunjukkan dalam pandangan 2D atau 3D bagi peta.
4. Ketik **Selesai**.
Lokasi Tempat Tumpuan ditunjukkan pada peta sebagai simbol.

Pembesar suara



Pembesar suara

Ketik butang ini untuk memilih pembesar suara atau sambungan pembesar suara yang digunakan oleh peranti anda.

Permulaan



Mula

Ketik butang ini untuk menetapkan apa yang berlaku apabila peranti anda bermula.

Palang status



Palang status

Ketik butang ini untuk memilih maklumat yang anda ingin lihat pada palang status:

- **Mendarat** - menunjukkan palang status di bawah pandangan Pemanduan.
- **Menegak** - menunjukkan palang status di sebelah kanan Pandangan Pemanduan.
- **Kelajuan maksimum**

Penting: Had kelajuan ditunjukkan di sebelah kelajuan semasa anda. Jika anda memandu lebih cepat daripada had kelajuan, anda nampak penunjuk amaran dalam palang status, contohnya, anak tetingkap palang status bertukar merah.

Maklumat mengenai had kelajuan tidak disediakan untuk semua jalan.

- **Waktu semasa**
- **Baki jarak** - jarak ke destinasi anda.
- **Ruang masa** - peranti anda menunjukkan selewat atau seawal mana anda akan tiba, berbanding masa ketibaan dikehendaki yang ditetapkan semasa anda merancang laluan.

Tukar peta



Peta

Ketik butang ini untuk memilih peta yang anda ingin gunakan untuk perancangan dan navigasi laluan.

Walaupun anda boleh menyimpan lebih daripada satu peta pada peranti ini, anda hanya boleh menggunakan satu peta pada satu masa untuk perancangan dan navigasi.

Untuk bertukar daripada peta semasa untuk merancang laluan di negara atau rantau lain, hanya ketik butang ini.

Nota: Pada kali pertama anda menukar peta, anda mungkin perlu menyambung ke akaun MyTomTom anda dan mengaktifkan peta.

Matikan Panduan suara/Hidupkan Panduan suara



Matikan Panduan suara

Ketik butang ini untuk mematikan panduan suara. Anda tidak akan mendengar arahan laluan pertuturan lagi tetapi anda masih akan mendengar maklumat seperti maklumat lalu lintas dan amaran.

Panduan suara juga dimatikan jika anda mengetik **Matikan bunyi** dalam menu Tetapan.

Nota: Jika anda menukar suara pada peranti anda, kemudian panduan suara akan dihidupkan secara automatik untuk suara yang baru itu.



Hidupkan Panduan suara

Ketik butang ini untuk menghidupkan panduan suara dan mendengar arahan laluan pertuturan.

Unit



Unit

Ketik butang ini untuk menetapkan unit yang digunakan pada peranti anda untuk ciri seperti perancangan laluan.



Guna warna malam

Ketik butang ini untuk mengurangkan kecerahan skrin dan memaparkan peta dengan warna yang lebih gelap.

Semasa memandu pada waktu malam atau semasa memandu melalui terowong gelap, adalah lebih mudah untuk melihat skrin dan mengurangkan gangguan kepada pemandu jika kecerahan skrin digelapkan.

Tip: Peranti anda boleh bertukar di antara warna siang dan malam bergantung pada masanya pada hari tersebut. Untuk menukar di antara warna malam dan siang secara automatik, ketik **Kecerahan** dalam menu Tetapan dan pilih **Tukar kepada warna malam apabila gelap**.



Guna warna siang

Ketik butang ini untuk menambah kecerahan skrin dan memaparkan peta dengan warna yang lebih cerah.



Kenderaan dan laluan

Ketik butang ini untuk menetapkan jenis kenderaan anda dan menukar bagaimana laluan dirancang.

Ketik butang bagi setiap pilihan untuk menukar tetapan.

Nota: Tetapan ini hanya tersedia jika anda menggunakan produk pekhemah dan karavan TomTom.

Untuk produk lain, tetapan [perancangan laluan](#) ada disediakan.

Untuk menyediakan kenderaan anda, atau menukar antara kenderaan, ketik **Jenis kenderaan dan laluan**.

Kemudian, anda boleh memilih jenis kenderaan anda dan [sediakan peranti anda untuk kenderaan anda](#).

Jenis laluan

Tetapkan jenis laluan yang anda inginkan TomTom anda untuk kira semula.

Ketik **IQ Route** untuk menetapkan jika anda ingin peranti menggunakan maklumat IQ Route untuk membantu mencari laluan terbaik.

Tetapan Jalan tol, Feri, Lorong kongsi kereta dan Jalan tak diturap

Tetapkan bagaimana TomTom anda perlu mengurus setiap satu daripada ciri jalan ini apabila peranti mengira laluan.

Lorong kongsi kereta kadang-kala dikenali sebagai Lorong Kenderaan Kependudukan Tinggi dan tidak wujud di setiap negara. Untuk berjalan di lorong ini, anda mungkin perlu mempunyai lebih daripada seorang di dalam kereta, contohnya, atau kereta mungkin perlu menggunakan bahan api mesra alam sekitar.

Ringkasan laluan

Tetapkan sama ada anda inginkan skrin ringkasan laluan untuk ditutup secara automatik selepas anda merancang laluan. Jika anda memilih **Tidak**, kemudian, anda perlu mengetik **Selesai** untuk menutup skrin ringkasan laluan setiap kali anda merancang laluan.

Suara



Tukar suara

Ketik butang ini untuk menukar suara yang memberikan arahan pertuturan dan arahan laluan lain.



Tetapan suara

Pelbagai jenis suara disediakan. Terdapat suara komputer yang boleh membaca nama jalan dan maklumat lain secara terus daripada peta dan terdapat suara manusia yang telah dirakam oleh pelakon.

Ketik butang ini untuk menetapkan jenis arahan pertuturan dan arahan laluan lain yang akan dibaca oleh peranti anda dengan kuat.

Kawalan suara



Kawalan suara

Ketik butang ini untuk membuka menu **kawalan suara** yang mengandungi butang berikut:



Nyahdayakan kawalan suara

Ketik butang ini untuk menyahdaya kawalan suara.



Dayakan kawalan suara

Ketik butang ini untuk mendayakan kawalan suara.



Apa yang hendak disebut

Ketik butang ini untuk melihat senarai arahan yang anda boleh sebutkan semasa menggunakan kawalan suara.

Kelantangan



Kelantangan

Ketik butang ini untuk menetapkan paras kelantangan untuk peranti anda.
Gerakkan gelangsaar untuk menukar kelantangan.

Tempat Tumpuan

Mengenai Tempat Tumpuan

Tempat Tumpuan atau POI adalah tempat-tempat berguna pada peta.

Di sini adalah beberapa contoh:

- Restoran
- Hotel
- Muzium
- Tempat letak kenderaan
- Stesen minyak

Mencipta POI

Tip: Untuk mendapatkan bantuan tentang menguruskan POI pihak ketiga, cari "POI pihak ketiga" di tomtom.com/support.

1. Ketik skrin untuk membuka Menu utama.
2. Ketik **Tetapan**.
3. Ketik **Uruskan POI**.
4. Jika tiada kategori POI atau yang anda ingin gunakan tidak ada, ketik **Tambah kategori POI** dan buat kategori baru.



Setiap POI perlu ditetapkan kepada satu kategori POI. Ia bermaksud anda perlu membuat sekurang-kurangnya satu kategori POI sebelum anda boleh membuat POI pertama anda.

Anda hanya boleh menambah POI pada kategori POI yang anda telah buat.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai membuat kategori POI, baca **Mengurus POI**.

5. Ketik **Tambah POI**.
6. Pilih kategori POI yang anda ingin gunakan untuk POI baru.
7. Ketik butang untuk memasukkan alamat POI dengan cara yang sama yang anda rancang laluan.

POI dibuat dan disimpan dalam kategori yang dipilih.



Ketik butang ini untuk menetapkan lokasi Rumah anda sebagai POI.

Ini adalah berguna jika anda memutuskan untuk menukar lokasi Rumah anda, tetapi, terlebih dahulu ingin membuat POI menggunakan alamat Rumah semasa.



Kegemaran

Ketik butang ini untuk membuat POI dari Kegemaran.

Anda mungkin ingin membuat POI dari Kegemaran kerana anda hanya boleh membuat bilangan terhad bagi Kegemaran. Jika anda mahu membuat lebih banyak Kegemaran, anda perlu memadamkan beberapa Kegemaran terlebih dahulu. Untuk mengelakkan kehilangan Kegemaran, simpan lokasi sebagai POI sebelum anda memadam Kegemaran.



Alamat

Ketik butang ini untuk menambah alamat sebagai POI baru.

Apabila anda memasukkan alamat, anda boleh memilih daripada empat opsyen.

- **Pusat bandar**
- **Jalan dan nombor rumah**
- **Poskod**
- **Persilangan atau persimpangan**



Destinasi terkini

Ketik butang ini untuk memilih lokasi POI dari senarai tempat yang anda gunakan sebagai destinasi baru-baru ini.



Tempat Tumpuan

Ketik butang ini untuk menambah Tempat Tumpuan (POI) sebagai POI.

Contohnya, jika anda sedang mencipta kategori POI untuk restoran kegemaran anda, gunakan opsyen ini dan bukannya memasukkan alamat restoran.



Lokasi saya

Ketik butang ini untuk menambah kedudukan semasa anda sebagai POI.

Contohnya, jika anda berhenti di mana-mana yang menarik, anda boleh mengetik butang ini untuk membuat POI baru di lokasi semasa.

Tempat dalam peta



Ketik butang ini untuk mencipta POI menggunakan penyemak imbas peta.

Gunakan kursor untuk memilih lokasi POI, kemudian, ketik **Selesai**.



Latitud Longitud

Ketik butang ini untuk membuat POI dengan memasukkan nilai latitud dan longitud.



Kedudukan hentian terakhir

Ketik butang ini untuk mencipta POI daripada kedudukan anda yang terakhir direkodkan.



Alamat ucapan



Carian tempatan

Ketik butang ini untuk membuat POI dengan mengatakan alamat.

Ketik butang ini untuk menggunakan Carian Tempatan dengan TomTom Places untuk mencari kedai dan tempat perniagaan di dalam dan sekitar lokasi semasa anda.

Anda boleh memilih untuk mencari kedai dan tempat perniagaan berdekatan anda, berhampiran destinasi anda, berdekatan sebarang destinasi lain atau di sebuah bandar.

Contohnya, jika anda mencari kolam renang berhampiran lokasi semasa anda, masukkan 'kolam renang' dan pilih hasil carian terbaik.

Menggunakan POI untuk merancang laluan

Semasa anda merancang laluan, anda boleh menggunakan POI untuk destinasi.

Contoh berikut menunjukkan bagaimana untuk merancang laluan ke tempat letak kereta dalam bandar:

1. Ketik **Navigasi ke** atau **Pandu ke** dalam Menu utama.
2. Ketik **Tempat Tumpuan**.
3. Ketik **POI dalam bandar raya**.

Tip: POI terakhir yang anda lihat pada peranti TomTom anda juga ditunjukkan dalam menu.

4. Masukkan nama bandar dan pilihnya semasa ia ditunjukkan dalam senarai.
5. Ketik butang anak panah untuk mengembangkan senarai kategori POI.

Tip: Jika anda sudah mengetahui nama POI yang anda ingin gunakan, anda boleh mengetik **Cari mengikut nama** untuk memasukkan nama dan memilih lokasi ini.

6. Tatal ke bawah senarai dan ketik **Tempat letak kereta**.
7. Tempat letak kereta yang berhampiran pusat bandar ditunjukkan di bahagian atas senarai.
8. Senarai berikut menerangkan jarak yang ditunjukkan di sebelah setiap POI. Bagaimana jarak diukur berbeza bergantung pada bagaimana anda mencari POI:
 - POI berhampiran anda - jarak dari lokasi semasa anda
 - POI dalam bandar - jarak dari pusat bandar
 - POI berhampiran Rumah - jarak dari lokasi Rumah anda
 - POI di sepanjang laluan - jarak dari lokasi semasa anda
 - POI berhampiran destinasi - jarak dari destinasi anda
9. Ketik nama tempat letak kereta yang anda ingin gunakan dan ketik **Selesai** apabila laluan telah dikira.

Peranti anda mula untuk memberi panduan kepada anda ke tempat letak kereta.

Tip: Anda juga boleh menggunakan Carian Tempatan untuk mencari lokasi yang berguna. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Carian Tempatan dan lain-lain Perkhidmatan LIVE, pergi ke tomtom.com/services.

Menunjukkan POI pada peta

Anda boleh memilih jenis lokasi POI yang anda ingin lihat pada peta anda.

1. Ketik **Tunjukkan POI pada peta** di dalam menu Tetapan.
2. Pilih kategori yang anda ingin tunjukkan pada peta.
3. Ketik **Selesai**.
4. Pilih sama ada anda ingin melihat lokasi POI dalam pandangan 2D dan 3D bagi peta.
5. Ketik **Selesai**.

POI yang telah anda pilih ditunjukkan sebagai simbol pada peta.

Menelefon POI

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti navigasi.

Kebanyakan POI pada peranti TomTom anda termasuk nombor telefon. Ia bermaksud bahawa jika peranti anda menyokong panggilan bebas tangan, anda boleh menggunakan peranti anda untuk menghubungi POI dan merancang laluan ke lokasi POI.

Contohnya, anda boleh mencari wayang, hubungi untuk menempah tiket dan merancang laluan ke wayang, dan semuanya menggunakan peranti TomTom anda.

1. Ketik butang telefon dalam Pandangan Pemanduan.
Jika butang tidak dapat dilihat dalam Pandangan Pemanduan, ketik **Buat menu anda sendiri** dalam menu Tetapan dan pilih **Hubungi...** untuk memaparkan butang dalam Pandangan Pemanduan.
2. Ketik **Tempat Tumpuan**.
3. Pilih bagaimana anda ingin mencari POI.
Contohnya, jika anda ingin mencari POI pada laluan anda, ketik **POI di sepanjang laluan**.
4. Pilih jenis POI yang anda ingin hubungi.
Contohnya, jika anda ingin menghubungi pawagam untuk menempah tiket, ketik **Pawagam** lalu pilih nama pawagam yang hendak anda hubungi. Kemudian, ketik **Hubungi** atau **Dail** untuk membuat panggilan telefon.

Peranti TomTom anda menggunakan telefon mudah alih anda untuk menghubungi POI.

Menetapkan amaran untuk POI

Anda boleh menetapkan bunyi amaran untuk dimainkan apabila anda menghampiri jenis POI yang dipilih, seperti stesen minyak.

Contoh berikut akan menunjukkan bagaimana untuk menetapkan bunyi amaran untuk dimainkan semasa anda berada 250 meter dari stesen minyak.

1. Ketik **Urus POIs** dan kemudian **Beri amaran bila hampir POI** di dalam menu Tetapan.
2. Tatal ke bawah senarai dan ketik **Stesen minyak**.
Tip: Untuk mengeluarkan amaran, ketik pada nama kategori dan kemudian, ketik **Ya**. Kategori POI yang telah ditetapkan dengan amaran mempunyai simbol bunyi di sebelah nama kategori.
3. Tetapkan jarak sebagai 250 meter dan ketik **OK**.

4. Pilih **Kesan bunyi** dan kemudian, ketik **Seterusnya**.
5. Pilih bunyi amaran untuk POI dan kemudian, ketik **Seterusnya**.
6. Jika anda hanya ingin mendengar amaran apabila POI berada tepat pada laluan yang dirancang, pilih **Beri amaran hanya jika POI berada pada laluan**. Kemudian, ketik Selesai. Amaran ditetapkan untuk kategori POI yang dipilih. Anda akan mendengar bunyi amaran apabila anda berada 250 meter dari stesen minyak pada laluan anda.

Uruskan POI

Ketik **Uruskan POI** untuk mengurus kategori dan lokasi POI anda.



Anda boleh menetapkan peranti TomTom anda agar anda diberitahu apabila anda hampir dengan lokasi POI yang dipilih. Dengan cara ini memang boleh, contohnya, menetapkan peranti anda untuk memberitahu anda apabila anda menghampiri stesen minyak.

Anda boleh membuat kategori POI anda sendiri dan menambah lokasi POI anda sendiri pada kategori ini.

Ia bermaksud anda boleh, contohnya, membuat kategori POI baru yang dipanggil Rakan. Kemudian, anda boleh menambah semua alamat rakan anda sebagai POI dalam kategori baru ini.

Ketik butang berikut untuk membuat dan mengekalkan POI anda sendiri:

- **Tambah POI** - ketik butang ini untuk menambah lokasi pada salah satu kategori POI anda sendiri.
- **Beri amaran apabila hampiri POI** - ketik butang ini untuk menetapkan peranti anda untuk memberi amaran apabila anda berhampiran POI yang dipilih.
- **Padam POI** - ketik butang ini untuk memadam salah satu kategori POI anda sendiri.
- **Edit POI** - ketik butang ini untuk mengedit salah satu POI anda sendiri.
- **Tambah kategori POI** - ketik butang ini untuk mencipta kategori POI yang baru.
- **Padam kategori POI** - ketik butang ini untuk memadam salah satu kategori POI anda sendiri.

Bantuan

Perihal mendapatkan bantuan

Ketik **Bantuan** dalam Menu utama untuk menavigasi ke pusat perkhidmatan kecemasan dan perkhidmatan pakar lain. Jika peranti anda menyokong panggilan bebas tangan dan telefon anda disambungkan ke peranti anda, anda boleh menghubungi perkhidmatan kecemasan hubungan secara terus melalui telefon.

Contohnya, jika anda terlibat dengan kemalangan kereta, anda boleh menggunakan menu Bantuan untuk mencari dan menghubungi hospital terdekat dan memberitahu mereka lokasi sebenar anda.

Petua: Jika anda tidak nampak butang Bantuan dalam Menu utama, ketik **Tetapan** dan kemudian **Tetapan keselamatan**. Kosongkan kotak semakan bagi **Tunjukkan hanya pilihan menu penting semasa memandu**.

Menggunakan Bantuan untuk menghubungi perkhidmatan tempatan

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti navigasi.

Untuk menggunakan Bantuan untuk mengesan pusat perkhidmatan, menghubungi pusat berkenaan melalui telefon dan menavigasi dari lokasi semasa anda ke pusat itu, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk membuka Menu Utama.
2. Ketik **Bantuan**.
3. Ketik **Telefon untuk dapatkan bantuan**.
4. Pilih jenis perkhidmatan yang anda perlukan, contohnya, **Hospital terdekat**.
5. Pilih pusat khidmat daripada senarai, yang terdekat di bahagian atas senarai.

Peranti anda menunjukkan kedudukan anda pada peta bersama dengan penerangan mengenai lokasi. Ini membantu anda menerangkan di mana anda berada semasa membuat panggilan.

Jika peranti navigasi anda menyokong panggilan bebas tangan dan telefon disambungkan ke peranti anda, peranti anda secara automatik mendail nombor telefon. Jika tiada telefon disambungkan, nombor telefon dipaparkan untuk anda hubungi.

6. Untuk menavigasi arah anda ke pusat itu dengan kereta, ketik **Navigasi ke sana**. Jika anda berjalan, ketik **Berjalan ke sana**.

Peranti navigasi anda mula memandu anda ke destinasi anda.

Pilihan menu bantuan

Nota: Dalam sesetengah negara, maklumat mungkin tidak tersedia untuk semua perkhidmatan.



Telefon untuk bantuan

Ketik butang ini untuk mencari maklumat hubungan dan lokasi pusat perkhidmatan.

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti.



Pandu ke bantuan

Ketik butang ini untuk menavigasi jalan anda ke pusat perkhidmatan dengan kereta.



Berjalan kaki ke bantuan

Ketik butang ini untuk menavigasi jalan anda ke pusat perkhidmatan dengan berjalan kaki.



Di mana saya?

Ketik butang ini untuk melihat lokasi semasa pada peta.

Jika panggilan bebas tangan disokong pada peranti anda, dan telefon anda disambungkan ke peranti anda, anda boleh mengetik **Di mana saya?**. Pilih jenis perkhidmatan yang anda ingin hubungi dan beritahu lokasi sebenar anda seperti yang ditunjukkan pada peranti anda.



Keselamatan dan panduan lain

Ketik butang ini untuk membaca pilihan panduan, termasuk panduan Bantuan Kecemasan.



Manual produk

Ketik butang ini untuk membaca pilihan panduan berkaitan peranti navigasi anda.

Panggilan bebas tangan

Perihal panggilan bebas tangan

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti.

Jika anda mempunyai telefon mudah alih dengan Bluetooth®, anda boleh menggunakan peranti TomTom anda untuk membuat panggilan telefon serta menghantar dan menerima mesej.

Penting: Bukan semua telefon disokong atau serasi dengan semua ciri. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke tomtom.com/phones/compatibility.

Menyambung kepada telefon anda

Mula-mula anda mesti mewujudkan sambungan antara telefon mudah alih anda dengan peranti TomTom anda.

Ketik **Sambungan** dalam menu Tetapan, kemudian, ketik **Telefon**. Ketik **Uruskan telefon** dan pilih telefon anda apabila ia ditunjukkan dalam senarai.

Anda cuma perlu melakukan ini sekali dan peranti TomTom anda akan mengingati telefon anda.

Tip

- Pastikan anda menghidupkan Bluetooth® pada telefon anda.
- Pastikan telefon anda ditetapkan ke 'boleh ditemui' atau 'kelihatan kepada semua'.
- Anda mungkin perlu memasukkan kata laluan '0000' pada telefon anda untuk menyambung kepada peranti TomTom anda.
- Untuk mengelakkan memasukkan '0000' setiap kali anda menggunakan telefon, simpan peranti TomTom anda sebagai peranti yang dipercayai pada telefon anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tetapan Bluetooth, rujuk kepada panduan pengguna telefon mudah alih anda.

Membuat panggilan

Apabila anda telah mewujudkan sambungan di antara peranti TomTom anda dan telefon mudah alih anda, anda boleh menggunakan peranti navigasi anda untuk membuat panggilan bebas tangan pada telefon mudah alih anda.

Untuk membuat panggilan telefon, ketik butang telefon dalam Pandangan Pemanduan. Kemudian, ketik salah satu butang berikut:

- Ketik **Rumah** untuk memanggil lokasi Rumah anda.
Jika anda belum memasukkan nombor bagi lokasi Rumah anda, butang ini tidak tersedia.
- Ketik **Nombor telefon** untuk memasukkan nombor untuk dihubungi.
- Ketik **Tempat Tumpuan** untuk memilih Tempat Tumpuan (POI) untuk dipanggil.
Jika peranti anda mengetahui nombor telefon POI, ia ditunjukkan di sebelah POI itu.
- Ketik **Entri buku telefon** untuk memilih hubungan dari buku telefon anda.

Nota: Buku telefon anda secara automatik disalin pada peranti TomTom anda apabila anda pertama sekali membuat sambungan dengan telefon mudah alih anda.

Bukan semua telefon boleh memindahkan buku telefon ke peranti anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, pergi ke tomtom.com/phones/compatibility.

- Ketik **Didail baru-baru ini** untuk memilih dari senarai individu atau nombor yang anda panggil menggunakan peranti anda baru-baru ini.
 - Ketik **Pemanggil terkini** untuk memilih dari senarai individu atau nombor yang memanggil anda baru-baru ini.
- Hanya panggilan yang telah anda terima pada peranti anda disimpan dalam senarai ini.

Menerima panggilan

Apabila seseorang menelefon anda, nama dan nombor telefon pemanggil ditunjukkan. Ketik skrin untuk menerima atau menolak panggilan.

Auto-jawab

Anda boleh menetapkan peranti TomTom anda untuk menjawab panggilan masuk secara automatik.

Untuk menetapkan jawab automatik, ketik **Sambungan** dalam menu Tetapan, kemudian, ketik **Telefon**. Ketik **Tetapan auto jawab**.

Pilih berapa lama peranti anda akan menunggu sebelum menjawab panggilan secara automatik dan kemudian ketik **Selesai**.

Menyambungkan lebih banyak telefon ke peranti anda

Anda boleh mewujudkan sambungan untuk sehingga 5 buah telefon bimbit.

Untuk menambah lebih banyak telefon, lakukan yang berikut.

1. Ketik **Sambungan** dalam menu Tetapan.
2. Ketik **Telefon**.
3. Ketik **Uruskan telefon**.
4. Ketik **Tambah** dan ikut arahan.

Untuk menukar di antara telefon, ketik **Uruskan telefon**. Kemudian, ketik butang untuk telefon yang anda ingin sambungkan.

Menu telefon bimbit

Nota: Panggilan bebas tangan tidak disokong pada semua peranti navigasi.



Uruskan telefon

Ketik butang ini untuk menguruskan nombor telefon mudah alih yang akan disambungkan kepada peranti TomTom anda.

Anda boleh menambah profil untuk sehingga lima telefon bimbit yang berbeza.



Ketik butang ini untuk menyahdayakan atau mendayakan panggilan bebas tangan.

**Nyahdayakan
bebas tangan**



Ketik butang ini untuk membuat panggilan telefon.

Hubungi



Ketik butang ini untuk menukar nombor telefon rumah anda.

**Tukar nombor
rumah**



Ketik butang ini untuk memilih maklumat yang anda ingin padamkan. Anda boleh memadam senarai pemanggil semasa dan senarai nombor yang baru didail.

Padam



Ketik butang ini untuk menukar tetapan auto-jawab.

Tetapan autojawab

Nota: Bukan semua telefon disokong atau serasi dengan semua ciri.

Kegemaran

Perihal Kegemaran

Kegemaran memberikan cara yang mudah untuk memilih lokasi tanpa perlu memasukkan alamat. Ia tidak perlu menjadi tempat kegemaran, ia boleh dilihat sebagai koleksi alamat berguna.

Tip: Jika anda telah menyediakan sebarang destinasi kerap, ia ditunjukkan dalam senarai Kegemaran.

Mencipta satu Kegemaran

Untuk menavigasi ke Kegemaran, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Tetapan** untuk membuka menu Tetapan.
3. Ketik **Kegemaran**.
4. Ketik **Tambah**.

Pilih jenis Kegemaran dengan mengetik salah satu butang yang diterangkan di bawah:



Anda boleh menetapkan lokasi Rumah anda sebagai Kegemaran.



Rumah
Kegemaran

Anda tidak boleh mencipta Kegemaran daripada Kegemaran yang lain. Opsyen ini akan sentiasa tidak tersedia dalam menu ini.

Untuk menamakan semula Kegemaran, ketik **Kegemaran** dalam menu Tetapan.



Alamat

Anda boleh memasukkan alamat sebagai Kegemaran.



**Destinasi ba-
ru-baru ini**

Buat Kegemaran baru dengan memilih lokasi dari senarai destinasi semasa anda.



Carian Tempatan

Ketik butang ini untuk menggunakan Carian Tempatan dengan TomTom Places seperti kedai dan tempat perniagaan dan simpankannya sebagai Kegemaran.

Contohnya, jika anda mencari kolam renang berhampiran lokasi

semasa anda, masukkan 'kolam renang' dan pilih hasil carian terbaik.

Nota: Hanya tersedia pada peranti LIVE.



Jika anda melawat POI yang anda suka, sebagai contoh sebuah restoran, anda boleh menambahkannya sebagai Kegemaran.

Tempat Tumpuan



Lokasi saya

Ketik butang ini untuk menambah kedudukan semasa anda sebagai Kegemaran.

Sebagai contoh, jika anda berhenti di suatu tempat yang menarik, semasa anda di sana anda boleh mengetik butang ini untuk mencipta Kegemaran.



Ketik butang ini untuk membuat Kegemaran menggunakan Penye-mak Imbas Peta.

Pilih lokasi Kegemaran menggunakan kursor, kemudian ketik **Selesai**.

Tempat dalam peta



Ketik butang ini untuk membuat Kegemaran dengan memasukkan nilai latitud dan longitud.

Latitud Longitud



Alamat ucapan



Ketik butang ini untuk memilih kedudukan terakhir anda yang direkodkan sebagai destinasi anda.

Kedudukan hentian terakhir

Peranti anda mencadangkan nama bagi Kegemaran baru anda. Untuk memasukkan nama baru, tidak perlu memadam nama yang dicadangkan, anda hanya mula menaip.

Tip: Memberikan Kegemaran anda nama yang mudah untuk diingati adalah idea yang baik..

Ketik **OK**.

Kegemaran baru anda kelihatan dalam senarai.

Setelah anda menambah dua atau lebih Kegemaran dan Petua dihidupkan, anda ditanya sama ada anda membuat perjalanan kerap ke lokasi yang sama. Jika anda ketik **YA**, anda boleh memasukkan destinasi ini sebagai destinasi kegemaran anda. Setiap kali anda menghidupkan peranti anda, anda boleh dengan segera memilih salah satu lokasi ini sebagai destinasi. Untuk menukar destinasi ini atau memilih destinasi baru, ketik **Mula** dalam menu Tetapan, kemudian pilih **Minta destinasi**.

Menggunakan Kegemaran

Anda boleh menggunakan Kegemaran sebagai cara menavigasi ke suatu tempat tanpa perlu memasukkan alamat. Untuk menavigasi ke Kegemaran, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Navigasi ke** atau **Pandu ke**.
3. Ketik **Kegemaran**.
4. Pilih Kegemaran dari senarai.
Peranti TomTom anda mengira laluan untuk anda.
5. Apabila laluan telah dikira, ketik **Selesai**.

Peranti anda akan serta-merta memandu anda ke destinasi anda dengan arahan bersuara dan arahan visual di skrin.

Menukar nama Kegemaran

Untuk menukar nama Kegemaran, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
 2. Ketik **Tetapan** untuk membuka menu Tetapan.
 3. Ketik **Kegemaran**.
 4. Ketik Kegemaran yang anda ingin namakan semula.
- Tip:** Gunakan anak panah kiri dan kanan untuk memilih Kegemaran lain dari senarai anda.
5. Ketik **Namakan semula**.
 6. Taipkan nama baru dan kemudian ketik **Selesai**.
 7. Ketik **Selesai**.

Menghapus Kegemaran

Untuk memadam Kegemaran, lakukan yang berikut:

1. Ketik skrin untuk menunjukkan Menu utama.
2. Ketik **Tetapan** untuk membuka menu Tetapan.
3. Ketik **Kegemaran**.
4. Ketik Kegemaran yang ingin anda padam.

Tip: Gunakan anak panah kiri dan kanan untuk memilih Kegemaran lain daripada senarai anda.

5. Ketik **Padam**.
6. Ketik **Ya** untuk mengesahkan pemadaman.
7. Ketik **Selesai**.

Perkhidmatan

Perihal Perkhidmatan LIVE

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Perkhidmatan LIVE berikut mungkin tersedia untuk peranti anda. Perkhidmatan LIVE adalah berdasarkan langganan.

- Lalu lintas
- Cari & Jalan
- Berkongsi destinasi anda
- Kamera Kelajuan atau Zon Bahaya
- Cuaca
- Carian Tempatan
- QuickGPSfix™

Notis Keselamatan

Sesetengah peranti navigasi mengandungi modul GSM/GPRS yang boleh mengganggu peranti elektrik seperti perentak jantung kardium, alat bantuan pendengaran dan peralatan penerbangan.

Gangguan dengan peranti ini mungkin membahayakan kesihatan atau nyawa anda atau orang lain.

Jika peranti anda merangkumi modul GDM/GPRS, jangan gunakannya berdekatan unit elektrik yang tidak dilindungi atau di kawasan di mana penggunaan telefon mudah alih adalah dilarang, seperti di hospital dan di dalam pesawat.

Langganan Perkhidmatan LIVE

Menyemak langganan Perkhidmatan LIVE anda

Anda boleh menyemak status langganan anda pada bila-bila masa. Dalam Menu Utama, ketik **Perkhidmatan** dan kemudian ketik **Perkhidmatan Saya**.

Peranti TomTom anda juga memberi amaran kepada anda apabila langganan Perkhidmatan LIVE anda menghampiri tarikh pembaharuan.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai langganan Perkhidmatan LIVE dan terma pembayaran, pergi ke tomtom.com/services.

Memperbaharui langganan Perkhidmatan LIVE anda menggunakan peranti anda

1. Dalam Menu Utama, ketik **Perkhidmatan** dan kemudian ketik **Perkhidmatan Saya**.
Status terkini Perkhidmatan LIVE anda ditunjukkan.
2. Ketik pada perkhidmatan yang hendak anda perbaharui.

Peranti anda mengesahkan bahawa anda hendak memperbaharui langganan anda.

3. Ketik **Ya**.

Permintaan pembaharuan dihantar ke TomTom. Anda perlu melengkapkan pembayaran dalam talian, pada atau sebelum tarikh yang ditunjukkan pada peranti anda.

Memperbaharui langganan Perkhidmatan LIVE anda menggunakan laman web TomTom

1. Pergi ke tomtom.com/getstarted untuk memasang MyDrive Connect, jika ia belum dipasang, dan mula menggunakan MyDrive.
2. Apabila digesa, sambungkan peranti anda ke komputer anda menggunakan kabel USB. Kemudian, hidupkan peranti anda.

Penting: Anda hendaklah memasang penyambung USB terus kepada port USB di komputer anda dan bukan kepada hab USB atau port USB pada papan kekunci atau monitor.

3. Buka bahagian Perkhidmatan LIVE.
4. Semak status langganan anda dan klik pada perkhidmatan yang hendak anda perbaharui. Anda diminta untuk memberikan butiran pembayaran anda.
5. Masukkan butiran pembayaran anda dan selesaikan transaksi ini. Langganan anda diperbaharui.

Perihal TomTom Traffic

TomTom Traffic adalah perkhidmatan TomTom unik yang memberikan maklumat lalu lintas masa nyata. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan TomTom, pergi ke tomtom.com/services.

Dalam gabungan dengan IQ Routes, TomTom Traffic membantu anda merancang laluan optimum ke destinasi anda dengan mengambil kira keadaan lalu lintas tempatan terkini.

Peranti TomTom anda sentiasa menerima maklumat mengenai keadaan lalu lintas yang berubah-ubah. Jika kesesakan lalu lintas atau insiden lain didapati pada laluan semasa anda, peranti anda akan menawarkan untuk merancang semula laluan anda untuk cuba mengelakkan sebarang kelewatan.

Perihal Cari & Jalan

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Anda boleh mencari tempat dan maklumat setempat menggunakan perkhidmatan berikut pada peranti navigasi anda:

- TripAdvisor
- Expedia

Kemudian, anda boleh menavigasi ke tempat yang ditemui menggunakan perkhidmatan ini dengan menggunakan peranti navigasi anda.

Perihal berkongsi destinasi anda

Anda juga boleh berkongsi destinasi dan masa ketibaan anda dengan rakan dan keluarga menggunakan Twitter.

Perihal Carian Tempatan

Dengan menggunakan carian tempatan, anda boleh mencari senarai TomTom Places untuk mencari kedai dan tempat perniagaan, kemudian rancang laluan ke destinasi yang anda pilih.

Menggunakan carian tempatan

Untuk mencari lokasi menggunakan carian tempatan dan merancang laluan ke situ, ikut langkah di bawah. Dalam contoh ini, anda mencari pasaraya berhampiran kedudukan semasa anda.

1. Ketik skrin untuk mengeluarkan Menu Utama, kemudian ketik **Navigasi ke** atau **Pandu ke**.

Petua: Anda juga boleh menyediakan butang menu pantas untuk carian tempatan dengan mengetik **Tetapan** dan kemudian **Buat menu anda sendiri**. Pilih **Navigasi ke alamat carian setempat** atau **Pandu ke alamat carian setempat**.

2. Ketik butang **Carian Setempat**.
3. Ketik **Cari berhampiran anda**.
4. Ketik 'pasaraya' kemudian, ketik **OK**.

Lokasi yang sepadan dengan carian anda ditunjukkan dalam senarai dengan jaraknya dari lokasi semasa anda dan rating.

5. Ketik salah satu lokasi dalam senarai.
6. Ketik **Pilih**.

Ketik **Tunjukkan maklumat** untuk melihat maklumat lanjut mengenai lokasi ini.

Perihal Kamera Kelajuan

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Perkhidmatan Kamera Kelajuan memberi amaran kepada anda tentang julat kamera kelajuan dan amaran keselamatan termasuk yang berikut:

- Lokasi kamera kelajuan tetap.
- Lokasi kawasan selalu berlaku kemalangan.
- Lokasi kamera kelajuan mudah alih.
- Lokasi pemeriksaan purata kamera kelajuan.
- Lokasi kamera lampu isyarat.
- Lintasan kereta api tidak berpagar.

Nota: Di Perancis, tiada amaran diberikan untuk kamera individu atau jenis kamera berbeza. Ia hanya boleh memberi amaran mengenai [zon bahaya](#). Zon bahaya adalah kawasan di mana mungkin terdapat kamera. Anda boleh melaporkan atau mengesahkan lokasi zon bahaya, tetapi anda tidak boleh mengeluarkannya.

Perkhidmatan lain

Nota: Hanya tersedia pada peranti LIVE.

Perkhidmatan berikut juga tersedia pada peranti TomTom anda:

Cuaca

Perkhidmatan Cuaca memberikan anda laporan cuaca lima hari untuk sebarang lokasi pada peta anda.

QuickGPSfix

QuickGPSfix mengandungi maklumat mengenai kedudukan satelit GPS yang membantu peranti navigasi anda mencari kedudukan anda dengan lebih cepat.

Perkhidmatan Saya

Untuk menyemak langganan anda, ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama dan kemudian, ketik **Perkhidmatan Saya**.

Peranti TomTom anda memberitahu anda bila tarikh akhir langganan Perkhidmatan LIVE anda untuk pembaharuan. Anda boleh menggunakan peranti anda untuk memberitahu TomTom bahawa anda ingin perbaharui langganan semasa anda.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai langganan Perkhidmatan LIVE dan terma pembayaran, pergi ke tomtom.com/services.

Cari & Jalan

Perihal Cari & Jalan

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Anda boleh mencari tempat dan maklumat setempat menggunakan perkhidmatan berikut pada peranti navigasi anda:

- TripAdvisor
- Expedia

Kemudian, anda boleh menavigasi ke tempat yang ditemui menggunakan perkhidmatan ini dengan menggunakan peranti navigasi anda.

Menggunakan Cari & Jalan untuk mencari POI

Anda boleh mencari POI menggunakan TripAdvisor atau Expedia dan kemudian, menavigasi ke sana dengan serta-merta menggunakan peranti navigasi anda.

Contohnya, untuk mencari hotel, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama.

Tip: Apabila merancang laluan ke POI, anda juga boleh memilih POI yang disediakan oleh TripAdvisor dan Expedia selepas memilih kategori POI.

2. Ketik **TripAdvisor** atau **Expedia**.



3. Ketik **Di bandar**.

Anda boleh mencari dengan berbagai cara: berhampiran anda, di bandar, berhampiran rumah dan berhampiran destinasi anda.

4. Masukkan nama bandar dan pilihnya semasa ia ditunjukkan dalam senarai.
5. Ketik butang anak panah untuk mengembangkan senarai kategori POI.

Tip: Jika anda sudah mengetahui nama POI yang hendak anda gunakan, anda boleh mengetik **Cari** untuk memasukkan nama dan memilih lokasi ini.

6. Ketik **Hotel**.

Hotel yang paling dekat dengan destinasi anda ditunjukkan paling atas dalam senarai. Bagaimana jarak diukur berbeza bergantung pada bagaimana anda awalnya mencari POI:

- Berhampiran anda - jarak dari lokasi semasa anda
- Di bandar - jarak dari pusat bandar
- Berhampiran Rumah - jarak dari lokasi Rumah anda

- Berhampiran destinasi - jarak dari destinasi anda

Rating pengguna dan maklumat harga ditunjukkan jika tersedia.

7. Ketik nama hotel yang hendak anda lihat maklumat lanjutnya. Anda boleh memilih untuk membaca ulasan mengenai hotel ini, telefon mereka atau lihat sama ada terdapat tempat letak kereta di atau berhampiran hotel ini.
8. Jika anda memutuskan untuk menavigasi ke hotel ini, ketik **Pilih**. Ketik **Balik** untuk kembali ke senarai keputusan anda.
9. Ketik **Selesai** apabila laluan telah dikira.

Peranti navigasi anda akan mula memandu anda ke destinasi anda.

Kongsi destinasi dengan Twitter

Berkongsi destinasi dan masa ketibaan

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Anda boleh berkongsi destinasi dan masa ketibaan anda dengan rakan dan keluarga menggunakan Twitter pada peranti navigasi anda.

Penting: Anda boleh menyahdaya apl ini pada bila-bila masa dan ia hanya akan menyiar mesej atas permintaan anda.

Tip: Anda boleh membuat akaun Twitter khas untuk digunakan dengan peranti TomTom anda dan hanya berkongsi akaun ini dengan beberapa pengikut yang dihadkan dan bukan kesemua pengikut anda. Jika anda memilih cara ini, anda juga mungkin ingin menetapkan akaun ini kepada persendirian pada laman web Twitter agar anda dapat mengawal siapa yang boleh menerima kemas kini lokasi anda.

Untuk berkongsi masa ketibaan anda, contohnya, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama.
2. Ketik **Twitter**.



3. Ketik **Log masuk** untuk mendaftar masuk ke akaun Twitter anda. Sebaik sahaja dilog masuk, anda boleh memilih untuk **Kongsi masa ketibaan**, **Lapor masuk**, **Log keluar** atau tukar **Tetapan**.
4. Ketik **Kongsi masa ketibaan**. Anda perlu mempunyai laluan yang dirancang untuk berkongsi masa ketibaan anda.

Tip: Jika anda telah mendaftar masuk ke Twitter, anda juga boleh berkongsi masa ketibaan anda dengan mengetik **Tweet** pada skrin ringkasan laluan.

- Ketik **Tukar mesej** jika anda ingin menukar mesej yang hendak anda hantar.
5. Ketik **Tweet** untuk menyiar mesej yang mengandungi masa ketibaan anda. Anda nampak mesej yang mengesahkan bahawa mesej anda telah disiarkan.
 6. Klik **OK** untuk kembali ke menu atau skrin ringkasan laluan.

Penting: Sila ambil perhatian bahawa sebaik sahaja anda mendaftar masuk ke akaun Twitter menggunakan peranti navigasi TomTom anda, anda akan kekal terdaftar masuk sehingga anda mendaftar keluar menggunakan peranti TomTom anda. Jika kebetulan anda tidak dapat mengakses peranti TomTom anda, pergi ke www.twitter.com dan tukar tetapan atau kata laluan anda. Jika anda meminjamkan peranti anda kepada orang lain, jangan lupa untuk log keluar daripada akaun Twitter anda dahulu.

Melapor masuk di destinasi

Anda boleh melapor masuk di destinasi menggunakan Twitter pada peranti navigasi anda.

Penting: Anda boleh menyahdaya apl ini pada bila-bila masa dan ia hanya akan menyiaran mesej atas permintaan anda.

Untuk melapor masuk di destinasi, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama.
2. Ketik **Twitter**.



3. Ketik **Log masuk** untuk mendaftar masuk ke akaun Twitter anda.

Sebaik sahaja dilog masuk, anda boleh memilih untuk **Kongsi masa ketibaan**, **Lapor masuk**, **Log keluar** atau tukar **Tetapan**.

4. Ketik **Lapor masuk**.

Tip: Jika **Tanya saya sama ada saya ingin lapor masuk ketika saya tiba di destinasi** dihidupkan pada tetapan Twitter, anda akan ditanya secara automatik sama ada anda hendak melapor masuk apabila anda tiba di destinasi.

Ketik **Tukar tempat** untuk menukar lokasi lapor masuk anda. Pilih lokasi baru anda dari senarai atau ketik **Tambah tempat** untuk menambah lokasi baru.

Ketik **Tukar mesej** untuk menukar mesej lapor masuk anda. Edit mesej anda dan kemudian ketik **OK**.

5. Ketik **Ya** untuk melapor masuk di lokasi yang ditunjukkan pada skrin.

Anda akan nampak lokasi anda pada peta dan mesej lapor masuk semasa anda juga ditunjukkan.

6. Jika lokasi dan mesej anda betul, ketik **Lapor masuk**.

Mesej lapor masuk anda akan disiarkan menggunakan Twitter.

Penting: Sila maklum bahawa sebaik sahaja anda mendaftar masuk ke akaun Twitter menggunakan peranti navigasi TomTom anda, anda kekal terdaftar masuk sehingga anda mendaftar keluar menggunakan peranti TomTom anda. Jika kebetulan anda tidak dapat mengakses peranti TomTom anda, pergi ke www.twitter.com dan tukar tetapan atau kata laluan anda.

Lalu lintas

Perihal maklumat lalu lintas

Anda boleh menerima maklumat lalu lintas dengan dua cara:

- TomTom Traffic.
- Saluran Mesej Lalu Lintas (RDS-TMC).

Menggunakan maklumat lalu lintas, peranti TomTom anda boleh mengubah suai laluan anda secara automatik untuk mengurangkan sebarang kelewatan.

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Perihal TomTom Traffic

TomTom Traffic adalah perkhidmatan TomTom unik yang memberikan maklumat lalu lintas masa nyata. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan TomTom, pergi ke tomtom.com/services.

Dalam gabungan dengan IQ Routes, TomTom Traffic membantu anda merancang laluan optimum ke destinasi anda dengan mengambil kira keadaan lalu lintas tempatan terkini.

Peranti TomTom anda sentiasa menerima maklumat mengenai keadaan lalu lintas yang berubah-ubah. Jika kesesakan lalu lintas atau insiden lain didapati pada laluan semasa anda, peranti anda akan menawarkan untuk merancang semula laluan anda untuk cuba mengelakkan sebarang kelewatan.

Notis Keselamatan

Sesetengah peranti navigasi mengandungi modul GSM/GPRS yang boleh mengganggu peranti elektrik seperti perentak jantung kardium, alat bantuan pendengaran dan peralatan penerbangan.

Gangguan dengan peranti ini mungkin membahayakan kesihatan atau nyawa anda atau orang lain.

Jika peranti anda merangkumi modul GDM/GPRS, jangan gunakannya berdekatan unit elektrik yang tidak dilindungi atau di kawasan di mana penggunaan telefon mudah alih adalah dilarang, seperti di hospital dan di dalam pesawat.

Menggunakan maklumat lalu lintas

Jika anda menggunakan penerima RDS-TMC untuk melihat maklumat lalu lintas TMC pada peranti TomTom anda, sambungkan Penerima Lalu Lintas RDS-TMC TomTom kepada penyambung USB pada peranti anda.

Bar sisi lalu lintas ditunjukkan di sebelah kanan Pandangan Pemanduan. Bar sisi memaklumkan kepada anda mengenai kelewatan lalu lintas anda semasa anda memandu, menggunakan titik berkilau untuk menunjukkan kepada anda di mana terletaknya setiap insiden lalu lintas pada laluan anda.



Bahagian atas bar sisi lalu lintas mewakili destinasi anda dan menunjukkan jumlah kelewatan masa disebabkan oleh kesesakan lalu lintas dan insiden lain pada laluan anda.

Bahagian tengah bar sisi lalu lintas menunjukkan iniden lalu lintas individu dalam turutan ia berlaku pada laluan anda.

Bahagian bawah bar sisi lalu lintas mewakili lokasi semasa dan menunjukkan jarak ke insiden seterusnya pada laluan anda.

Untuk membuatkan bar sisi lalu lintas lebih mudah dibaca, sesetengah insiden mungkin tidak ditunjukkan. Insiden-insiden ini tidak berapa penting dan hanya menyebabkan sedikit kelewatan.

Warna penghala, seperti yang ditunjukkan di bawah, memberikan anda penunjuk segera bagi jenis insiden:



Situasi tidak diketahui atau tidak dapat ditentukan.



Lalu lintas perlahan.



Lalu lintas sesak.



Lalu lintas tidak bergerak atau penutupan jalan.

Menggunakan laluan paling cepat

Peranti TomTom anda sentiasa mencari laluan tercepat ke destinasi anda. Jika situasi lalu lintas berubah dan laluan paling cepat ditemui, peranti anda akan menawarkan untuk merancang semula perjalanan anda supaya anda boleh menggunakan laluan paling cepat.

Anda juga boleh menetapkan peranti anda untuk secara automatik merancang semula perjalanan anda apabila laluan lebih cepat ditemui. Untuk menggunakan tetapan ini, ketik **Tetapan lalu lintas** dalam menu Lalu lintas.

Untuk mencari dan merancang semula laluan paling cepat ke destinasi anda secara manual, lakukan yang berikut:

1. Ketik bar sisi lalu lintas.

Tip: Jika anda mendapat bahawa mengetik bar sisi membuka Menu utama dan bukan membuka menu lalu lintas, cuba mengetik bar sisi menggunakan jari anda diletakkan pada hujung skrin.

Ringkasan lalu lintas pada laluan anda ditunjukkan.

2. Ketik **Pilihan**.

3. Ketik **Minimumkan kelewatan**.

Peranti anda mencari laluan tercepat ke destinasi anda.

Laluan baru mungkin termasuk kelewatan lalu lintas. Anda boleh merancang semula laluan untuk mengelakkan semua kelewatan lalu lintas, tetapi, laluan yang mengelakkan semua kelewatan biasanya akan mengambil masa lebih lama daripada laluan paling cepat.

4. Ketik **Selesai**.

Mengurangkan kelewatan

Anda boleh menggunakan TomTom Traffic untuk mengurangkan kesan kelewatan lalu lintas pada laluan anda. Untuk mengurangkan kelewatan secara automatik, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Lalu lintas**.
3. Ketik **Tetapan lalu lintas**.
4. Pilih antara sentiasa menggunakan laluan paling cepat setiap kali secara automatik, ditanya atau jangan ubah laluan anda.
5. Ketik **Seterusnya** dan kemudian **Selesai**.
6. Ketik **Minimumkan kelewatan**.

Peranti anda merancang laluan tercepat ke destinasi anda. Laluan baru mungkin termasuk kelewatan lalu lintas dan mungkin kekal sama seperti laluan asal.

Anda boleh merancang semula laluan untuk mengelakkan semua kelewatan, tetapi, laluan ini tidak mungkin menjadi laluan paling cepat.

7. Ketik **Selesai**.

Memudahkan perjalanan ulang-alik ke tempat kerja

Butang **Rumah ke kerja** atau **Kerja ke rumah** di Menu lalu lintas rumah-kerja membolehkan anda menyemak laluan anda ke dan dari tempat kerja dengan satu ketikan butang.

Apabila anda menggunakan mana-mana butang ini, peranti anda merancang laluan di antara lokasi rumah dan kerja anda dan menyemak laluan untuk kemungkinan kelewatan.

Kali pertama anda menggunakan **Rumah ke kerja**, anda mesti menetapkan lokasi lalu lintas rumah dan kerja, lakukan yang berikut:

1. Ketik bar sisi lalu lintas untuk membuka menu Lalu lintas.

Nota: Jika anda sudah mempunyai laluan yang dirancang, ringkasan insiden lalu lintas pada laluan anda ditunjukkan. Ketik **Pilihan** untuk membuka menu Lalu lintas.

2. Ketik **Tunjukkan lalu lintas rumah-kerja**.
3. Tetapkan lokasi rumah anda dan lokasi kerja anda.

Jika anda sudah menetapkan lokasi dan ingin menukarinya, ketik **Tukar rumah-kerja**.



Sekarang, anda boleh menggunakan butang **Rumah ke kerja** dan **Kerja ke rumah**.

Nota: Lokasi rumah yang anda tetapkan di sini tidak sama dengan lokasi rumah yang boleh anda tetapkan dalam **Menu Tetapan**. Selain itu, lokasi yang anda gunakan di sini tidak perlu menjadi lokasi sebenar rumah dan kerja anda. Jika terdapat laluan lain yang selalu anda lalui, anda boleh menetapkan Rumah/Kerja untuk menggunakan lokasi ini pula.



Contohnya, untuk menyemak kelewatan pada laluan rumah anda sebelum anda meninggalkan pejabat, lakukan yang berikut:

1. Ketik bar sisi lalu lintas untuk membuka menu Lalu lintas.

Nota: Jika anda sudah mempunyai laluan yang dirancang, ringkasan insiden lalu lintas pada laluan anda ditunjukkan. Ketik **Pilihan** untuk membuka menu Lalu lintas.

2. Ketik **Tunjukkan lalu lintas rumah-kerja**.
3. Ketik **Kerja ke rumah**.

Pandangan Pemanduan ditunjukkan dan mesej dipaparkan yang memberitahu anda mengenai insiden lalu lintas pada laluan ini. Bar sisi lalu lintas juga menunjukkan sebarang kelewatan.

Mendapatkan maklumat lanjut mengenai insiden

Untuk menyemak kelewatan pada laluan anda, ketik bar sisi lalu lintas. Peranti navigasi anda menunjukkan ringkasan mengenai kelewatan lalu lintas pada laluan anda.

Jumlah termasuk sebarang kelewatan disebabkan oleh insiden lalu lintas dan yang disebabkan oleh jalan yang sibuk, dengan maklumat diberikan oleh IQ Route.

Ketik **Minimumkan kelewatan** untuk menyemak jika anda boleh mengurangkan kelewatan. Ketik **Pilihan** untuk membuka menu Lalu lintas.



Nota: Anda juga boleh mengakses skrin **Tunjukkan lalu lintas pada laluan** dengan mengetik kawasan lalu lintas bagi tab ringkasan Laluan LIVE.

Ketik butang anak panah kiri dan kanan untuk bergerak melalui setiap insiden satu demi satu, dengan melihat butiran setiap satu. Ini termasuk jenis insiden, contohnya kerja pembinaan jalan, dan tempoh kelewatan akibat insiden ini.



Anda juga boleh mengakses butiran mengenai satu-satu insiden dengan mengetik **Lihat peta** dalam Menu Utama lalu mengetik simbol insiden lalu lintas.

Apabila ditunjukkan pada peta, insiden lalu lintas bermula dengan ikon. Jika terdapat baris giliran lalu lintas, arah insiden adalah dari ikon ke hujung lagi satu.

Memeriksa insiden lalu lintas dalam kawasan anda

Dapatkan gambaran keseluruhan situasi lalu lintas dalam kawasan anda, menggunakan peta. Untuk mencari insiden tempatan dan perinciannya, lakukan yang berikut:

1. Ketik bar sisi lalu lintas, kemudian, ketik **Pilihan** untuk membuka menu Lalu lintas.
2. Ketik **Lihat peta**.
Skrin gambaran keseluruhan peta ditunjukkan.
3. Jika peta tidak menunjukkan lokasi anda, ketik penanda untuk memusatkan peta pada lokasi semasa anda.

Peta menunjukkan insiden lalu lintas dalam kawasan tersebut.



4. Ketik pada sebarang insiden lalu lintas untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Skrin ditunjukkan yang memberikan anda maklumat terperinci tentang insiden yang anda pilih. Untuk memaparkan maklumat tentang insiden di sekitar gunakan anak panah kiri dan kanan di bahagian bawah skrin ini.

Menukar tetapan lalu lintas

Gunakan butang **Tetapan lalu lintas** untuk memilih bagaimana maklumat lalu lintas berfungsi pada peranti navigasi anda.

1. Ketik bar sisi lalu lintas, kemudian, ketik **Pilihan** untuk membuka menu Lalu lintas.
2. Ketik **Tetapan lalu lintas**.



3. Jika anda menggunakan Penerima Lalu Lintas RDS-TMC, anda boleh memilih tetapan **Tala secara manual dengan memasukkan frekuensi**. Jika anda memilih pilihan ini, butang **Tala secara manual** ditunjukkan dalam menu Lalu lintas. Ketik **Tala secara manual** untuk memasukkan frekuensi bagi stesen radio tertentu yang anda ingin gunakan untuk maklumat lalu lintas RDS-TMC
4. Jika laluan lebih cepat ditemui semasa anda memandu, Lalu Lintas boleh merancang semula perjalanan anda untuk menggunakan laluan yang lebih pantas. Masukkan salah satu pilihan berikut lalu ketik **Selesai**.
 - **Sentiasa tukar ke laluan tersebut**
 - **Tanya saya sama ada saya mahukan laluan itu**
 - **Jangan tukar laluan saya**

Insiden Lalu lintas

Insiden dan amaran lalu lintas ditunjukkan pada peta, dalam Pandangan Pemanduan dan pada bar sisi Lalu lintas.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai insiden, ketik **Lihat Peta** dalam Menu Utama. Ketik pada simbol insiden lalu lintas pada peta untuk melihat maklumat mengenai insiden itu. Untuk memaparkan maklumat tentang insiden di sekitar gunakan anak panah kiri dan kanan di bahagian bawah skrin ini.

Terdapat dua jenis isyarat insiden dan amaran:

- Simbol ditunjukkan dalam segi empat marah adalah insiden lalu lintas. Peranti navigasi anda boleh merancang semula untuk mengelakkannya.
- Simbol ditunjukkan dalam segi tiga merah adalah cuaca yang berkaitan. Peranti anda tidak merancang semula untuk mengelakkan amaran ini.

Simbol insiden lalu lintas:



Kemalangan



Pembaikan jalan



Satu atau lebih lorong ditutup



Jalan raya ditutup



Insiden Lalu lintas



Kesesakan lalu lintas

Simbol berkaitan cuaca:



Kabus



Hujan



Angin



Ais



Salji



Nota: Simbol mengelakkan insiden adalah ditunjukkan untuk sebarang insiden lalu lintas yang anda elakkan menggunakan perkhidmatan lalu lintas.

Menu Lalu lintas

Untuk membuka menu Lalu lintas, ketik bar sisi Lalu lintas dalam Pandangan Pemanduan, kemudian ketik **Pilihan**, atau ketik **Lalu lintas** dalam menu Perkhidmatan.

Butang yang berikut tersedia:



Ketik butang ini untuk merancang semula laluan anda berdasarkan maklumat lalu lintas terkini.

**Minimumkan
kelewatan lalu
lintas**



Ketik butang ini untuk mengira laluan paling cepat dari lokasi rumah anda ke tempat kerja anda dan balik.

Tunjuk lalu lintas rumah ke tempat kerja



Tunjukkan lalu lintas pada laluan

Ketik butang ini untuk gambaran keseluruhan insiden lalu lintas di sepanjang laluan anda.

Ketik butang kiri dan kanan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai setiap insiden.

Ketik **Minimumkan kelewatan** untuk merancang semula laluan anda dan mengelakkan insiden lalu lintas yang ditunjukkan pada peta.



Lihat peta



Tukar tetapan Lalu lintas

Ketik butang ini untuk menukar tetapan anda tentang cara perkhidmatan Traffic berfungsi pada peranti anda.



Baca maklumat lalu lintas

Ketik butang ini untuk mendengar maklumat yang dituturkan mengenai insiden lalu lintas pada laluan anda.

Nota: Peranti TomTom anda perlu mempunyai suara komputer yang dipasang untuk membaca maklumat dengan kuat.

Kamera Kelajuan

Perihal Kamera Kelajuan

Nota: Perkhidmatan LIVE tidak tersedia di semua negara atau rantau, dan bukan semua Perkhidmatan LIVE tersedia di semua negara atau rantau. Anda boleh menggunakan Perkhidmatan LIVE semasa mengembara ke luar negara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services

Perkhidmatan Kamera Kelajuan memberi amaran kepada anda tentang julat kamera kelajuan dan amaran keselamatan termasuk yang berikut:

- Lokasi kamera kelajuan tetap.
- Lokasi kawasan selalu berlaku kemalangan.
- Lokasi kamera kelajuan mudah alih.
- Lokasi pemeriksaan purata kamera kelajuan.
- Lokasi kamera lampu isyarat.
- Lintasan kereta api tidak berpagar.

Amaran kamera kelajuan

Secara lalai, bunyi amaran dimainkan untuk jenis kamera kelajuan paling biasa. Untuk menukar bunyi amaran, ketik **Tetapan amaran** dalam menu **Kamera Kelajuan**.

Anda diberi amaran mengenai kamera kelajuan dengan tiga cara:

- Peranti anda memainkan bunyi amaran.
- Jenis kamera kelajuan dan jarak anda dari kamera ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan. Had kelajuan juga ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan.
- Lokasi kamera kelajuan ditunjukkan pada peta.

Nota: Untuk kamera pemeriksaan halaju purata, peranti anda akan memberi amaran kepada anda pada permulaan dan penghujung kawasan pemeriksaan halaju purata.

Menukar cara anda diberi amaran

Untuk menukar cara peranti TomTom anda memberi amaran mengenai kamera kelajuan, ketik butang **Tetapan amaran**.



Anda kemudian boleh menetapkan jenis bunyi dimainkan.

Contohnya, untuk menukar bunyi yang dimainkan apabila anda menghampiri kamera kelajuan tetap, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** di dalam Menu Utama.

2. Ketik **Kamera Kelajuan**.

3. Ketik **Tetapan amaran**.

Senarai jenis kamera kelajuan dipaparkan. Pembesar suara ditunjukkan di sebelah jenis kamera kelajuan yang mempunyai set amaran.

4. Ketik **Kamera tetap**.

5. Pilih sama ada anda sentiasa ingin diberi amaran atau hanya apabila anda memandu dengan laju. Pilih **Tidak Sekali-kali** untuk mematikan amaran.

6. Ketik bunyi yang hendak anda gunakan untuk amaran.

7. Ketik **Seterusnya**.

Bunyi amaran yang anda pilih kini diteapkhan untuk kamera kelajuan tetap. Simbol pembesar suara ditunjukkan di sebelah **Kamera tetap** dalam senarai jenis kamera kelajuan.

Simbol kamera kelajuan

Kamera kelajuan ditunjukkan sebagai simbol di dalam Pandangan Pemanduan.

Apabila anda menghampiri kamera, anda akan melihat simbol yang menunjukkan jenis kamera dan jarak antara kamera. Bunyi amaran dimainkan. Anda boleh [menukar bunyi amaran](#) untuk kamera atau menghidupkan dan mematikan bunyi amaran untuk setiap jenis kamera.

Ketik simbol kamera untuk melaporkan bahawa kameri tidak lagi berada di situ atau untuk mengesahkan bahawa ia masih berada di situ.

Apabila anda mula menggunakan peranti anda, bunyi amaran dimainkan untuk jenis kamera ini:



Kamera kelajuan tetap - jenis kamera ini memeriksa kelajuan kenderaan yang melepas dan ditetapkan di satu tempat.



Kamera mudah alih - jenis kamera ini menyemak kelajuan kenderaan yang melepas dan boleh dialihkan ke lokasi berbeza-beza.



Kamera lampu isyarat - jenis kamera ini memeriksa kenderaan yang melanggar peraturan lalu lintas di lampu isyarat. Sesetengah kamera lampu isyarat mungkin juga menyemak kelajuan anda.



Semakan kelajuan purata - jenis kamera ini mengukur kelajuan purata anda di antara dua tempat. Anda diberi amaran pada permulaan dan penghujung kawasan pemeriksaan kelajuan biasa.

Apabila anda memandu dalam kawasan pemeriksaan kelajuan purata, purata kelajuan anda ditunjukkan, berbanding kelajuan semasa anda.

Apabila anda berada dalam kawasan pemeriksaan kelajuan, amaran visual terus ditunjukkan dalam Pandangan Kelajuan.



Kawasan kemalangan



Lintasan kereta api tak berpagar



Kamera jalan tol

Apabila pertama sekali anda mula menggunakan peranti anda, tiada bunyi amaran yang dimainkan untuk jenis kamera ini:




Kamera jalan terhad



Kamera lain



Tempat utama kamera mudah alih - jenis amaran ini menunjukkan tempat di mana kamera mudah alih kerap digunakan.



Kamera dwiarah

Mengemas kini lokasi untuk amaran

Penting: Untuk menerima kemas kini kamera kelajuan secara automatik, pastikan peranti anda mempunyai versi 10.500 atau lebih tinggi aplikasi TomTom dan langganan LIVE yang aktif. Anda boleh mendapatkan aplikasi TomTom yang terkini dengan menyambung ke MyDrive.

Lokasi kamera kelajuan boleh ditukar dengan kerap. Kamera baru boleh juga muncul tanpa amaran dan lokasi untuk amaran yang lain, seperti kawasan kemalangan, mungkin juga berubah kedudukan. Oleh sebab itu, ianya adalah penting untuk memastikan bahawa peranti anda mempunyai kamera dan lokasi amaran yang terkini.

Jika peranti LIVE anda mempunyai aplikasi TomTom yang terkini, anda menerima semua kemas kamera untuk lokasi kamera tetap dan mudah alih secara langsung. Anda tidak perlu melakukan apa-apa untuk menerima kemas kini – ia dihantar ke peranti anda secara automatik.

Untuk menyemak bila peranti anda menerima kemas kini pada kali terakhir, ketik **Perkhidmatan** kemudian ketik **Kamera Kelajuan**. Lihat di bahagian atas kanan skrin.

Tip: Jika anda layak untuk One Time Update apabila anda membeli peranti anda, anda boleh memasangkan ini menggunakan MyDrive.

Butang laporan

Untuk menunjukkan butang laporan dalam Pandangan Pemanduan, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Kamera Kelajuan**.
3. Ketik **Tunjukkan butang laporan**.
4. Ketik **Balik**.

Butang laporan ditunjukkan di sebelah kiri Pandangan Pemanduan atau jika anda sudah menggunakan menu pantas, ia ditambah pada butang yang tersedia dalam menu pantas.

Petua: Untuk menyembunyikan butang laporan, ketik **Sembunyikan butang laporan** di menu Kamera Kelajuan.

Melaporkan kamera kelajuan baru semasa anda bergerak

Untuk melaporkan kamera kelajuan semasa bergerak, lakukan yang berikut:

1. Ketik [butang laporan](#) ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan atau dalam menu pantas untuk mencatat lokasi kamera.
2. Sahkan bahawa anda ingin menambah kamera.

Anda nampak mesej mengucapkan terima kasih kepada anda kerana menambah kamera.

Melaporkan kamera kelajuan baru semasa berada di rumah

Anda tidak perlu berada di lokasi kamera kelajuan untuk melaporkan lokasi baru. Untuk melaporkan lokasi kamera kelajuan semasa anda berada di rumah, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama pada peranti navigasi anda.
2. Ketik **Kamera Kelajuan**.
3. Ketik **Laporkan kamera kelajuan**.

4. Pilih jenis kamera.
5. Gunakan kursor untuk menanda lokasi kamera pada peta, kemudian, ketik **Seterusnya**.
6. Ketik **Ya** untuk mengesahkan lokasi kamera, atau ketik **Tidak** untuk menandakan lokasi semula pada peta.

Anda nampak mesej mengucapkan terima kasih kepada anda kerana melaporkan kamera.

Melaporkan amaran kamera yang tidak betul

Anda mungkin menerima amaran untuk kamera yang tiada lagi di situ. Untuk melaporkan amaran kamera yang tidak betul, lakukan yang berikut:

Nota: Anda hanya boleh melaporkan amaran kamera ayng tidak betul apabila anda berada di lokasi tersebut.

1. Semasa anda diberi amaran mengenai kamera tersebut, ketik amaran itu.



2. Sahkan sama ada kamera masih berada di situ atau tidak.

Jenis kamera kelajuan yang anda boleh melaporkan

Apabila anda melaporkan kamera kelajuan semasa berada di rumah, anda boleh memilih jenis kamera yang anda laporkan.

Ini adalah jenis kamera kelajuan berbeza yang anda boleh melaporkan dari rumah:

- **Kamera kelajuan tetap** - jenis kamera ini memeriksa kelajuan kenderaan yang melepas dan ditetapkan di satu tempat.
- **Kamera kelajuan mudah alih** - jenis kamera ini menyemak kelajuan kenderaan yang melepas dan dialihkan ke tempat berbeza-beza.
- **Kamera lampu merah** - jenis kamera ini menyemak kenderaan yang melanggar peraturan lalu lintas di lampu isyarat.
- **Kamera jalan tol** - jenis kamera ini memantau lalu lintas di sempadan jalan tol.
- **Kamera lain** - semua jenis kamera lain yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori di atas.

Amaran pemeriksaan purata kamera kelajuan

Anda boleh menetapkan sama ada anda ingin diberi amaran mengenai kamera pada permulaan dan penghujung kawasan pemeriksaan kelajuan purata. Untuk menukar tetapan, ketik **Tetapan amaran** dalam menu **Kamera Kelajuan**.

Apabila anda memandu dalam kawasan pemeriksaan kelajuan purata, purata kelajuan anda ditunjukkan, berbanding kelajuan semasa anda.

Apabila anda menghampiri permulaan zon pemeriksaan kelajuan purata, anda akan nampak amaran visual pada Pandangan Pemanduan dengan jarak ke kamera di bawahnya. Anda mendengar amaran yang boleh didengari.



Anda juga nampak ikon kecil pada jalan menunjukkan kedudukan kamera pemeriksaan kelajuan purata pada permulaan zon.

Semasa di dalam zon, amaran visual terus ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan.

Menu Kamera Kelajuan

Untuk membuka menu Kamera Kelajuan, ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama dan kemudian, ketik **Kamera Kelajuan**.



Ketik butang ini untuk melaporkan lokasi kamera kelajuan yang baru.

Lapor kamera kelajuan



Ketik butang ini untuk [menetapkan amaran](#) yang anda akan terima dan bunyi yang digunakan untuk setiap amaran.

Tetapan amaran



Ketik butang ini untuk menyahdayakan semua amaran secara serentak.

Nyahdayakan amaran



Ketik butang ini untuk mendaraskan [butang laporan](#). Butang laporan ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan atau dalam menu pantas.

Apabila butang laporan ditunjukkan di dalam Pandangan Pemanduan, butang ini bertukar ke **Sembunyikan butang laporan**.

Tunjukkan butang laporan

Zon Bahaya

Perihal zon bahaya

Sejak 3 Januari 2012, adalah menyalahi undang-undang untuk menerima amaran mengenai kedudukan kamera kelajuan tetap atau mudah alih apabila anda memandu di Perancis. Sebagai menurut perubahan dalam undang-undang Perancis ini, lokasi semua jenis kamera kelajuan tidak lagi dilaporkan tetapi sebaliknya, kawasan bahaya dinyatakan sebagai zon.

Di Perancis, TomTom menamatkan perkhidmatan Kamera Kelajuan dan memperkenalkan perkhidmatan baru yang dipanggil Zon Bahaya TomTom.

Zon bahaya mungkin atau mungkin tidak mengandungi satu atau lebih kamera kelajuan atau rangkaian bahaya pemanduan lain.

- Lokasi khusus tidak tersedia dan ikon zon bahaya ditunjukkan apabila anda menghampiri zon tersebut.
- Panjang minimum zon bergantung pada jenis jalan dan 300m untuk jalan-jalan di kawasan terbina, 2000m (2km) untuk jalan kecil atau 4000m (4km) bagi lebuh raya.
- Lokasi satu atau lebih kamera kelajuan, jika ada, mungkin berada di sebarang titik di dalam zon tersebut.
- Jika dua zon bahaya berhampiran antara satu sama lain, amaran boleh digabungkan dalam zon tunggal yang lebih panjang.

Penting: Di luar Perancis, anda menerima amaran mengenai kamera kelajuan. Di dalam Perancis, anda terima amaran mengenai zon bahaya. Apabila anda merentasi sempadan, jenis amaran yang anda terima berubah.

Amaran zon bahaya

Amaran diberi 10 saat sebelum anda tiba di zon bahaya. Anda diberi amaran dalam cara-cara berikut:

- Peranti anda memainkan bunyi amaran.
- Anda dapat melihat penanda pada jalan di dalam Pandangan Pemanduan yang menunjukkan permulaan zon.
- Anda dapat melihat panel amaran.
- Zon bahaya mempunyai panjang minimum: Lebuh raya 4km, Jalan kecil 2km dan kawasan terbina 300m.

Menukar cara anda diberi amaran

Tetapan ini membenarkan anda mengawal amaran zon bahaya dan juga menukar bunyi amaran.

1. Ketik **Tetapan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Perkhidmatan**.
3. Ketik **Amaran Keselamatan**.

4. Ketik **Nyahdayakan/Dayakan Amaran** untuk menghidupkan atau mematikan Amaran keselamatan.
5. Ketik **Nyahdayakan/Dayakan butang laporan** untuk menyembunyikan atau menunjukkan butang laporan di dalam Pandangan Pemanduan.
6. Ketik **Tetapan amaran** dan pilih jika anda mahu menerima amaran semasa menghampiri zon bahaya, kemudian pilih bunyi amaran.

Simbol zon bahaya

Zon bahaya ditunjukkan menggunakan simbol di dalam Pandangan Pemanduan.

Apabila anda menghampiri zon bahaya, anda akan melihat simbol. Bunyi amaran dimainkan. Anda boleh [menukar bunyi amaran](#) untuk zon bahaya atau mematikan bunyi amaran sepenuhnya.

Pada kali pertama anda menggunakan peranti anda, bunyi amaran dimainkan untuk jenis zon ini:



Zon Bahaya - amaran jenis ini hanya diberikan di Perancis di mana anda hanya diberi amaran mengenai [zon bahaya](#). Zon Bahaya memasukkan semua amaran jenis lain.

Butang laporan



Ketik butang ini di dalam Pandangan Pemanduan untuk melaporkan zon bahaya. Skrin pengesahan muncul. Ketik **Ya** untuk mengesahkan zon bahaya. Ikon **Terima Kasih** ditunjukkan di skrin. Lokasi tersebut dilaporkan kepada TomTom dan dikongsikan dengan pengguna lain.

Nota: hanya adalah tidak mungkin untuk mengeluarkan zon bahaya.

Melaporkan zon bahaya baru semasa sedang bergerak

Untuk melaporkan zon bahaya semasa sedang bergerak, lakukan yang berikut:

1. Ketik [butang laporan](#) yang ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan atau dalam menu pantas untuk mencatat lokasi zon bahaya.
2. Sahkan bahawa anda ingin menambah zon bahaya.
Anda lihat mesej mengesahkan laporan telah dicipta.

Melaporkan zon bahaya baru semasa berada di rumah

Anda tidak perlu berada di lokasi zon bahaya untuk melaporkan lokasi baru ini. Untuk melaporkan lokasi zon bahaya baru semasa berada di rumah, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** dalam Menu Utama pada peranti navigasi anda.
2. Ketik **Amaran Keselamatan**.
3. Ketik **Laporkan zon bahaya**.
4. Gunakan kursor untuk menanda lokasi zon bahaya pada peta, kemudian ketik **Selesai**.
5. Ketik **Ya** untuk mengesahkan lokasi zon bahaya.
Anda lihat mesej mengesahkan bahawa laporan telah dicipta.

Menu Amaran Keselamatan

Untuk membuka menu Amaran Keselamatan, ketik **Tetapan** di dalam Menu Utama, diikuti oleh **Perkhidmatan**. Kemudian ketik **Amaran Keselamatan**.



Ketik butang ini untuk [melaporkan lokasi zon bahaya baru](#).

Lapor zon bahaya



Ketik butang ini untuk [menetapkan bila anda menerima amaran](#) dan bunyinya.

Tetapan amaran



Ketik butang ini untuk menyahdayakan amaran.

Nyahdayakan amaran



Ketik butang ini untuk mendayakan [butang laporan](#). Butang laporan ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan atau dalam menu pantas. Apabila butang laporan ditunjukkan dalam Pandangan Pemanduan, butang ini bertukar kepada **Nyahdayakan butang laporan**.

Dayakan butang laporan

Cuaca

Perihal Cuaca

Nota: Hanya tersedia pada peranti LIVE.

Perkhidmatan Cuaca TomTom memberikan laporan cuaca terperinci dan ramalan cuaca 4 hari untuk bandar. Maklumat disediakan oleh stesen cuaca tempatan dan dikemas kini setiap jam.



Nota: Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang tersedia, pergi ke tomtom.com/services.

Meminta laporan cuaca.

Untuk meminta laporan cuaca untuk lokasi tertentu, seperti bandar untuk destinasi akhir anda, lakukan yang berikut:

1. Ketik **Perkhidmatan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Cuaca**.
3. Ketik **Cuaca berhampiran anda** atau **Cuaca berhampiran destinasi** untuk pergi terus ke ringkasan cuaca.
4. Ketik **Cuaca dekat lokasi lain** untuk memilih lokasi anda menggunakan, contohnya, alamat, Rumah, Kegemaran atau POI.

Ringkasan laporan cuaca untuk lokasi itu ditunjukkan. Ketik pada sebarang hari bagi minggu untuk laporan cuaca terperinci.

Jenis lokasi

Anda boleh meminta ramalan cuaca untuk jenis lokasi berbeza. Jenis lokasi berikut tersedia:



Rumah

Ketik butang ini untuk memilih lokasi Rumah anda.



Kegemaran

Ketik butang ini untuk memilih lokasi Kegemaran anda.



Alamat

Ketik butang ini untuk memasukkan alamat.



Destinasi ba-
ru-baru ini

Ketik butang ini untuk memilih lokasi dalam senarai destinasi yang baru digunakan.



Carian tempatan

Ketik butang ini untuk memilih lokasi menggunakan carian setempat dengan TomTom Places.



Tempat Tumpuan

Ketik butang ini untuk memilih Tempat Tumpuan (POI).



Lokasi Saya

Ketik butang ini untuk memilih lokasi semasa anda.



Titik dalam peta

Ketik butang ini untuk memilih tempat pada peta.



Latitud Longitud

Ketik butang ini untuk memasukkan rujukan peta latitud dan longitud.



Alamat ucapan

Ketik butang ini untuk memasukkan alamat dengan menyebut alamat.



Ketik butang ini untuk memilih kedudukan yang terakhir anda rekodkan.

**Kedudukan hentian
terakhir**

Produk pekhemah dan karavan TomTom

Perihal produk pekhemah dan karavan TomTom

Produk pekhemah dan karavan TomTom membolehkan anda memilih jenis kenderaan yang anda pandu supaya laluan yang dirancang oleh peranti anda sesuai untuk kenderaan anda. Anda boleh memilih kereta, kereta dengan karavan, rumah motor atau van sebagai jenis kenderaan. Laluan dirancang oleh peranti anda akan mengelakkan sekatan untuk jenis kenderaan. Contohnya, laluan yang dikira untuk rumah motor mungkin berbeza daripada laluan yang dikira untuk kereta. Anda boleh menetapkan saiz, berat dan jenis kenderaan anda serta jenis laluan pilihan anda.

Sebelum memilih jenis kenderaan, anda hendaklah [memilih peta pekhemah dan karavan](#) pada peranti anda.

Penting: Anda mesti beri perhatian kepada semua papan tanda lalu lintas, terutama yang berkaitan ukuran dan berat kenderaan anda. Kami tidak boleh menjamin anda tidak akan pernah mengalami semasa pada laluan anda dan mengabaikan sekatan yang sedemikian boleh membawa bahaya.

Anda boleh memilih kenderaan anda di dalam menu cepat di Pandangan Pemanduan. Jika terdapat hanya satu atau dua butang dalam menu pantas anda, ikon kecil dalam Pandangan Pemanduan akan menunjukkan jenis kenderaan yang dipilih. Jika laluan sudah pun dirancang dan anda memilih kenderaan berbeza, laluan akan dikira semula untuk kenderaan baru ini.

Jika laluan untuk karavan, pekhemah atau van tidak ditemui, anda ditanya sama ada anda ingin menggunakan laluan kereta. Jika anda menggunakan laluan kereta, berikan perhatian kepada sekatan yang mungkin akan anda temui pada laluan itu.

Anda boleh [memasukkan butiran mengenai kenderaan yang anda pandu](#) dan jenis laluan anda dalam menu Tetapan.

Jenis kenderaan

Anda boleh [pilih kenderaan](#) dari jenis kenderaan berikut:



Pilih **Kereta** semasa anda memandu kereta tanpa menarik karavan atau treler.

Kereta



Kereta dengan karavan

Pilih **Kereta dengan karavan** apabila anda menarik karavan, khemah treler, treler kuda atau hanya treler.

Tip: Pilih **Kereta** apabila anda tidak mengangkat karavan atau treler anda dari kereta anda.



Pekhemah

Pilih **Pekhemah** apabila anda memandu pekhemah atau rumah motor.



Van

Pilih **Van** apabila anda memandu van persendirian, van sewa atau kenderaan besar lain yang bukan komersial.

Sediakan kenderaan anda

Sebelum anda boleh merancang laluan anda menggunakan jalan yang sesuai untuk jenis kenderaan anda, anda perlu terlebih dahulu memasukkan butiran untuk kenderaan atau gabungan kenderaan anda.

1. Ketik **Tetapan dalam Menu Utama**.
2. Ketik **Kenderaan dan laluan**, dan kemudian ketik **Jenis kenderaan dan laluan**.
3. Ketik [jenis kenderaan](#) anda. Anda boleh memasukkan butiran bagi **Kereta dengan karavan**, **Pekhemah** dan **Van**.

Nota: Butang **Kereta** membuka pilihan perancangan laluan.

4. Pada skrin **Profil kenderaan semasa**, ketik **Tukar**.
5. Masukkan berat, dimensi dan had kelajuan kenderaan. Tekan **Seterusnya** setiap kali untuk mengalih ke skrin seterusnya.

Nota: Had kelajuan boleh berbeza di setiap negeri atau negara, dan berbeza untuk setiap jenis kenderaan. Anda hendaklah memasukkan had kelajuan bagi negara yang anda kunjungi.

Penting: Dimensi dan berat karavan anda juga termasuk dimensi dan berat kereta anda.

6. Dalam **Elakkan lebuh raya**, pilih sama ada anda hendak mengelakkan lebuh raya. Ketik **Seterusnya**.
7. Dalam **Sekatan dan amaran jalan mati**, pilih sama ada anda hendak menerima amaran mengenai sekatan dan jalan mati. Ketik **Seterusnya**.

Penting: Tetapkan pilihan ini kepada **Ya** jika anda memandu pekhemah besar atau semasa menarik karavan. Pilihan ini menghalang anda daripada memandu ke dalam situasi yang sukar, seperti tempat yang sukar untuk belok, atau yang mempunyai sekatan yang tinggi. Anda hanya menerima amaran sekatan dan jalan mati apabila anda memandu tanpa laluan dirancang.

8. Tetapkan **Tetapan perancangan semula**.

Nota: Tetapan ini hanya tersedia jika peranti anda mempunyai sama ada langganan lalu lintas atau Penerima RDS-TMC. Maklumat lalu lintas tidak terdapat di semua negara atau rantau. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan maklumat lalu lintas TomTom, pergi ke tomtom.com/services

Tetapkan sama ada anda inginkan peranti navigasi anda untuk merancang semula laluan semasa jika laluan lebih cepat ditemui semasa anda memandu. Ini berguna jika lalu lintas bertambah sibuk atau semakin lengang lebih jauh pada laluan anda. Pilih antara tetapan-tetapan berikut:

- **Sentiasa bertukar ke laluan itu** - pilih pilihan ini untuk tidak menerima mesej apabila laluan yang lebih cepat ditemui. Laluan semasa dikira secara automatik adalah yang tercepat.
- **Tanya saya jika saya mahukan laluan itu** - pilih pilihan ini untuk ditanya sekiranya anda ingin menggunakan laluan baru. Apabila ditanya sama ada anda mahu menggunakan laluan alternatif, ketik **Ya** untuk laluan semasa dikira semula sebagai yang tercepat. Ketik **Tidak** jika anda tidak mahu menggunakan laluan alternatif. Jika anda mengubah fikiran, ketik belon di bahagian atas skrin untuk menggunakan laluan alternatif.
- **Jangan sekali-kali tukar laluan saya** - pilih pilihan ini agar sentiasa teruskan dengan laluan yang anda rancangkan.

Ketik **Seterusnya**.

9. Dalam **Tetapan maklumat peta**, tetapkan sama ada anda ingin diberi amaran jika laluan anda melepas kawasan di mana anda mengandungi maklumat terhad. Ketik **Selesai**.

Memilih peta pekhemah dan karavan

Pertama sekali, anda perlu memilih peta pekhemah dan karavan sebelum anda boleh menggunakan produk pekhemah dan karavan TomTom anda.

1. Ketik **Tetapan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Tukar peta**.
3. Ketik peta pekhemah untuk memilihnya.
4. Klik **Selesai** di menu Tetapan untuk kembali ke Pandangan Pemanduan.

Memilih jenis kenderaan anda

Anda boleh menukar jenis kenderaan anda dengan cepat di dalam menu cepat di Pandangan pemanduan seperti berikut:

Nota: Pertama sekali, anda perlutambah pilihan jenis kenderaan pada menu pantas.

1. Ketik butang kenderaan dalam pandangan Pemanduan. Butang kenderaan menunjukkan jenis kenderaan yang baru dipilih:



Tip: Jika terdapat tiga atau lebih item dalam menu pantas anda, ketik butang menu pantas:



Kemudian, ketik butang **Tukar kenderaan**.

2. Ketik jenis kenderaan yang anda pandu.



Jika terdapat hanya satu atau dua butang dalam menu pantas anda, ikon kecil dalam Pandangan Pemanduan menunjukkan jenis kenderaan yang dipilih.

Jika laluan sudah dirancang dan anda pilih kenderaan berbeza, laluan dikira semula untuk kenderaan baru.

Menunjukkan butang menu pantas jenis kenderaan

Anda boleh tambah butang pilihan kenderaan pada [menu pantas](#) supaya anda boleh dengan cepat memilih jenis kenderaan anda.

1. Ketik **Tetapan** di dalam Menu Utama.
2. Ketik **Buat menu anda sendiri**.
3. Ketik **Batal** untuk mengosongkan skrin maklumat, atau **Seterusnya** kemudian **Selesai** untuk membaca skrin maklumat.
4. Pilih **Tukar antara kenderaan berbeza**.
5. Klik **Selesai**, kemudian klik **Selesai** semula untuk kembali ke Pandangan Pemanduan.

MyDrive

Perihal MyDrive

MyDrive ialah alat berdasarkan web yang membantu anda menguruskan kandungan dan perkhidmatan peranti navigasi TomTom anda. Anda menggunakan MyDrive untuk mendapatkan kemas kinian peta serta banyak lagi perkara lain.

Anda log masuk ke MyDrive pada laman web TomTom. Adalah sebaiknya untuk kerap menyambung peranti navigasi anda ke MyDrive untuk memastikan anda sentiasa mendapat kemas kini yang terkini.

Tip: Kami mengesyorkan anda menggunakan sambungan internet jalur lebar apabila anda menyambungkan peranti navigasi anda ke MyDrive.

Perihal MyDrive Connect

Untuk menggunakan MyDrive, anda perlu memasangkan MyDrive Connect pada komputer anda.

MyDrive Connect ialah aplikasi yang membenarkan peranti navigasi anda untuk berkomunikasi dengan laman web MyDrive. MyDrive Connect perlu dijalankan pada setiap masa peranti anda disambungkan kepada komputer anda.

Akaun MyTomTom

Untuk memuat turun kandungan dan menggunakan perkhidmatan TomTom, anda memerlukan akaun MyTomTom.

Anda boleh mencipta akaun menggunakan komputer anda dalam salah satu cara yang berikut:

- Dengan memilih butang **Cipta akaun** di tomtom.com.
- Dengan memilih butang hijau **MyTomTom** di tomtom.com.
- Dengan pergi ke tomtom.com/getstarted.

Penting: Berhati-hati apabila memilih negara semasa penciptaan akaun. Negara yang betul diperlukan jika anda membuat pembelian daripada kedai TomTom dan ia tidak boleh ditukar selepas akaun telah dicipta.

Nota: Jika anda mempunyai lebih daripada satu peranti navigasi TomTom, anda memerlukan akaun yang berasingan bagi setiap peranti.

Menyediakan MyDrive


Untuk bersedia menggunakan MyDrive bagi kali pertama, lakukan yang berikut:

1. Pada komputer anda, buka pelayar web dan pergi ke tomtom.com/getstarted.
2. Klik **Mulakan**.
3. Klik **Muat Turun MyDrive Connect**.

Ikuti arahan pada skrin.

- Apabila digesa, sambungkan peranti anda kepada komputer anda menggunakan kabel USB yang dibekalkan bersama peranti anda, kemudian hidupkan peranti anda.

Nota: Gunakan kabel USB yang dibekalkan dengan peranti anda SAHAJA. Kabel USB yang lain mungkin tidak berfungsi.



Nota: Anda hendaklah memasang kabel USB terus kepada port USB pada komputer anda dan bukan kepada hab USB atau port USB pada papan kekunci atau monitor.

- Masukkan maklumat yang diminta untuk penciptaan akaun, termasuk negara anda.

Apabila persediaan selesai, akaun MyTomTom dicipta dan peranti navigasi anda dipautkan kepada akaun tersebut.

Anda kini boleh mengakses MyDrive Connect daripada kawasan pemberitahuan pada desktop anda.



MyDrive bermula secara automatik selepas akaun dicipta.

Nota: Apabila anda ingin mengakses MyDrive kali seterusnya, pergi ke tomtom.com/mydrive di dalam pelayar web.

Tip: Apabila anda menyambung peranti navigasi anda ke komputer anda, MyDrive Connect memberitahu anda jika terdapat sebarang kemas kini untuk peranti anda.

Tambahan

Notis dan Amaran Keselamatan Penting

Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan Sistem Satelit Navigasi Global (GLONASS)

Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan Sistem Satelit Navigasi Global (GLONASS) ialah sistem berasaskan satelit yang memberikan maklumat lokasi dan masa di seluruh dunia. GPS dikendalikan dan dikawal di bawah tanggungjawab sepenuhnya Kerajaan Amerika Syarikat yang bertanggungjawab untuk ketersediaan dan ketepatannya. GLONASS dikendalikan dan dikawal di bawah tanggungjawab sepenuhnya Kerajaan Rusia yang bertanggungjawab untuk ketersediaan dan ketepatannya. Sebarang perubahan dalam ketersediaan dan ketepatan GPS atau GLONASS, atau dalam keadaan persekitaran, boleh memberi kesan kepada operasi peranti ini. TomTom tidak menerima sebarang liabiliti atas ketersediaan dan ketepatan GPS atau GLONASS.

Gunakan dengan cermat

Penggunaan produk TomTom semasa memandu tetap bermakna bahawa anda perlu memandu dengan berhati-hati dan memberi sepenuh perhatian.

Pesawat dan hospital

Penggunaan peranti dengan antena adalah dilarang di dalam kebanyakan pesawat, di dalam kebanyakan hospital dan banyak lokasi lain. Peranti ini hendaklah tidak digunakan dalam persekitaran ini.

Mesej keselamatan

Sila baca dan ambil perhatian bagi nasihat keselamatan yang penting berikut:

- Periksa tekanan tayar anda secara kerap.
- Servis kereta anda secara kerap.
- Pengubatan boleh memberi kesan kepada keupayaan menunggang dan memandu anda.
- Sentiasa menggunakan tali pinggang keledar jika tersedia.
- Jangan mengambil alkohol dan memandu.
- Kebanyakan kemalangan berlaku kurang daripada 5 km daripada rumah.
- Patuhi peraturan jalan raya.
- Sentiasa gunakan penunjuk bertukar anda.
- Setiap 2 jam, berehat untuk paling kurang 10 minit.
- Kekalkan tali pinggang keledar anda.
- Kekalkan jarak selamat daripada kenderaan di depan.
- Sebelum menunggang motosikal, ikat topi keledar anda dengan betul.
- Apabila menunggang motosikal, sentiasa memakai pakaian dan peralatan perlindungan.

Apabila menunggang motosikal, lebih berhati-hati dan sentiasa menunggang dengan bertahan.

Bagaimana TomTom menggunakan maklumat anda

Maklumat mengenai penggunaan maklumat peribadi boleh didapati di tomtom.com/privacy.

Bateri

Produk ini menggunakan bateri Litium-Ion.


Jangan gunakannya dalam persekitaran yang lembap, basah dan/atau mengakis. Jangan letakkan, simpan atau tinggalkan produk anda di atau berdekatan sumber haba, di lokasi yang bersuhu tinggi, di tempat yang terkena pancaran terus matahari, di dalam ketuhar gelombang mikro atau di dalam bekas bertekanan, dan jangan dedahkannya kepada suhu melebihi 60°C (140°F). Kegagalan untuk mengikuti garis panduan ini boleh menyebabkan bateri mengeluarkan asid, menjadi panas, meletup atau menghasilkan percikan api dan menyebabkan kecederaan dan/atau kerosakan. Jangan cucuk, buka atau nyahpasang bateri. Jika bateri bocor dan anda tersentuh dengan cecair yang terkeluar, bilas secara menyeluruh dengan air dan dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Untuk tujuan keselamatan, dan untuk memanjangkan jangka hayat bateri, alih keluar produk anda dari kenderaan anda apabila anda tidak memandu dan simpannya di tempat yang dingin, kering. Pengecasan tidak akan berlaku pada suhu rendah (bawah 0°C/32°F) atau tinggi (melebihi 45°C/113°F).

Suhu: Operasi standard: -0°C (32°F) hingga + 45°C (113°F); penyimpanan jangka pendek: -20°C (-4°F) hingga + 60°C (140°F); penyimpanan jangka panjang: -20°C (-4°F) hingga + 25°C (77°F).

Awas: risiko letupan jika bateri digantikan dengan jenis yang tidak betul.

Jangan keluarkan atau cuba mengeluarkan bateri yang tidak boleh diganti sendiri oleh pengguna. Jika anda mempunyai masalah dengan bateri, sila hubungi sokongan pelanggan TomTom.

BATERI LITIUM-POLIMER YANG TERKANDUNG DI DALAM PRODUK MESTI DIKITAR SEMULA ATAU DIBUANG DENGAN BETUL MENGIKUT UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN TEMPATAN DAN SENTIASA ASINGKANNYA DARIPADA BAHAN BUANGAN DOMESTIK. DENGAN MELAKUKANINI, ANDA MEMBANTU MEMELIHARA ALAM SEKITAR. GUNAKAN TOMTOM ANDA HANYA DENGAN SADAP KUASA AT YANG DIBEKALKAN (KABEL PENGECAST/BATERI KERETA), PENYESUAI AU (PENGECAST RUMAH), DI DALAM PENATANG YANG DILULUSKAN ATAU MENGGUNAKAN KABEL USB YANG DIBEKALKAN UNTUK MENYAMBUNG KEPADA KOMPUTER UNTUK MENGECAST BATERI.



Jika peranti anda memerlukan pengecas, sila gunakan peranti ini dengan pengecas yang disediakan. Untuk mencari pengecas ganti, pergi tomtom.com bagi mendapatkan maklumat mengenai pengecas yang diluluskan untuk peranti anda.

Jangka hayat bateri yang dinyatakan adalah jangka hayat maksimum bagi bateri. Jangka hayat bateri maksimum itu hanya dapat dicapai di bawah keadaan persekitaran tertentu sahaja. Anggaran jangka hayat bateri maksimum adalah berdasarkan pada profil penggunaan biasa.

Untuk tip mengenai memanjangkan hayat bateri, lihat Soalan Lazim ini: tomtom.com/batterytips.

Penandaan CE

Peralatan ini mematuhi keperluan-keperluan penandaan CE apabila digunakan di persekitaran perumahan, komersil, kendaraan atau industri ringan, mencapai semua peruntukan yang berkenaan bagi undang-undang yang berkaitan di Kesatuan Eropah.

CE0168

Arahan R&TTE

Dengan ini, TomTom mengesahkan bahawa produk dan aksesori TomTom mematuhi keperluan-keperluan asas dan peruntukan-peruntukan berkaitan lain bagi Peraturan Arahan Kesatuan Eropah 1999/5/EC. Akuan pematuhan boleh didapati di sini: www.tomtom.com/legal.

Arahan WEEE

Simbol tong wheelie pada produk atau pembungkusannya menandakan bahawa produk ini tidak boleh dianggap sebagai bahan buangan rumah tangga. Selari dengan Arahan EU 2002/96/EC untuk bahan buangan peralatan elektrik dan elektronik (WEEE), produk elektrik ini tidak boleh dibuang sebagai bahan buangan perbandaran yang tidak diasingkan. Sila buang produk ini dengan mengembalikannya kepada tempat pembelian atau kepada pusat pengumpulan perbandaran anda untuk kitar semula. Dengan melakukan ini, anda membantu memelihara alam sekitar.



Perentak Jantung

Pengilang perentak jantung mengesyorkan minimum 15cm (6 inci) dikekalkan di antara peranti wayarles pegangan tangan dan perentak jantung untuk mengelakkan kemungkinan gangguan dengan perentak jantung. Pengesyoran ini adalah selaras dengan penyelidikan dan pengesyoran bebas oleh Wireless Technology Research.

Garis panduan untuk orang yang memakai perentak jantung.

- Anda hendaklah SENTIASA memastikan peranti berada lebih daripada 15 cm (6 inci) jauhnya dari perentak jantung anda.
- Anda tidak boleh membawa peranti dalam poket dada.

Peranti perubatan lain

Sila rujuk pakar perubatan atau pengilang peranti perubatan, untuk menentukan jika pengendalian produk wayarles anda mungkin mengganggu peranti perubatan.

Rangkaian terhubung

Peranti yang mengandungi modul GSM dicadangkan untuk sambungan ke rangkaian berikut:

GSM/GPRS 900/1800

Pematuhan Kadar Penyerapan Khusus (Specific Absorption Rate - SAR)

MODEL PERANTI WAYARLES INI MEMENUHI KEPERLUAN KERAJAAN BAGI PENDEDahan
KEPADa GELOMBANG RADIO APABILA DIGUNAKAN SECARA TERUS DI BAHAGIAN INI

Sistem Navigasi GPS ini adalah pemancar dan penerima radio. Ia direka bentuk dan dikilang untuk tidak melebihi had pemancaran bagi pendedahan kepada tenaga frekuensi radio (RF) yang ditetapkan oleh Majlis Kesatuan Eropah.

Had SAR yang disyorkan oleh Majlis Kesatuan Eropah ialah 2.0W/kg dipuratakan lebih daripada 10 gram tisu untuk badan (4.0 W/kg dipuratakan lebih daripada 10 gram tisu bagi kaki - tangan, pergelangan tangan, pergelangan kaki dan tapak kaki). Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan beroperasi standard yang dinyatakan oleh Majlis EU dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji.

Had pendedahan

Peranti ini mematuhi had pendedahan sinaran yang ditetapkan untuk persekitaran tanpa kawalan. Untuk mengelakkan kemungkinan melampaui had pendedahan bagi frekuensi radio, jarak manusia kepada antena tidak boleh kurang daripada 20cm (8 inci) semasa operasi normal.

Dokumen ini

Penyediaan manual ini dilakukan dengan penuh teliti. Pembangunan produk yang tidak putus-putus bermakna sesetengah maklumat tidak terkini sepenuhnya. Maklumat di dalam dokumen ini tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

TomTom tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan teknikal atau suntingan atau atas sebarang maklumat yang tertinggal di sini; mahupun atas sebarang kerosakan sampingan atau turutan yang disebabkan oleh pelaksanaan atau penggunaan bahan ini. Dokumen ini mengandungi maklumat yang dilindungi oleh hak cipta. Tiada sebarang bahagian dokumen ini boleh difotostat atau dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada TomTom N.V.

Nama model

4EN62, 4CS01, 4CS03, 4CQ02, 4CQ07, 4CQ01, 4KH00, 4KI00, 4KJ00, 4CR52, 4CR51, 4CR42, 4CR41, 4EN42, 4EN52, 4EV42, 4EV52, 4ER50, 4CT50

Notis hak cipta

© 2013 TomTom. Hak cipta terpelihara. TomTom dan logo "dua tangan" adalah tanda dagangan berdaftar bagi TomTom N.V. atau salah satu subsidiarinya. Sila lihat tomtom.com/legal untuk waranti terhad dan perjanjian pengguna akhir yang berkaitan dengan produk ini.

© 2013 TomTom. Hak cipta terpelihara. Bahan ini adalah proprietari dan tertakluk kepada perlindungan hak cipta dan/atau perlindungan hak pangkalan data dan/atau hak milik intelektual yang dimiliki oleh TomTom atau pembekalnya. Penggunaan bahan ini adalah tertakluk kepada termasuk perjanjian lesen. Sebarang salinan atau pendedahan yang tidak dibenarkan bagi bahan ini akan menyebabkan liabiliti jenayah dan sivil.

Hak Cipta Ordnance Survey © Crown Nombor lesen 100026920.

Data Source © 2013 TomTom

Hak cipta terpelihara.

Perisian pembatalan gema akustik SoundClear™ © Acoustic Technologies Inc.

Nuance® adalah tanda dagangan berdaftar Nuance Communications, Inc. dan digunakan di sini dengan kebenaran.

Sesetengah imej diambil daripada Balai Cerap Bumi NASA.

Tujuan Balai Cerap Bumi NASA adalah untuk memberikan penerbitan yang boleh diakses secara bebas di Internet, yang dapat digunakan ramai untuk mendapatkan imej satelit baru dan maklumat saintifik tentang planet tempat tinggal kita.

Fokusnya adalah terhadap perubahan cuaca dan alam sekitar Bumi: earthobservatory.nasa.gov

Perisian yang disertakan dengan produk ini mengandungi perisian berhak cipta yang diberi lesen di bawah GPL. Salinan lesen itu boleh dilihat dalam bahagian Lesen. Anda boleh mendapatkan kod sumber sepadan yang lengkap daripada kami untuk tempoh tiga tahun selepas penghantaran akhir kami bagi produk ini. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, lawati tomtom.com/gpl atau hubungi pasukan sokongan pelanggan TomTom tempatan anda melalui tomtom.com/support. Atas permintaan, kami akan menghantarkan anda CD bersama dengan kod sumbernya yang sepadan.

Linotype, Frutiger dan Univers adalah tanda dagangan Linotype GmbH didaftarkan di Pejabat Tanda Dagangan dan Paten A.S. dan mungkin didaftarkan dalam bidang kuasa tertentu yang lain. MHei adalah tanda dagangan The Monotype Corporation dan mungkin didaftarkan di bidang kuasa tertentu.